

Jilid I
Bil. 5



Hari Isnin
13hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 505]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Tuan Adam bin Abdul Kadir [Ruangan 543]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Benteng).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).

- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).

- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMED ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DRs. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ TUAN DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIANG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LIANG KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHORI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 13hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANPENGANGGURAN DI
LABUAN

1. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengatasi masalah pengangguran di Labuan yang kian hari kian bertambah dan apakah pihak Kementerian bercadang untuk memulangkan pegawai-pegawai dan kakitangan dari Semenanjung yang bertugas sementara apabila tempoh perkhidmatan mereka tamat dan apakah langkah yang telah diambil untuk menggantikan mereka ini dengan anak tempatan yang berkebolehan dan berkelayakan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu masalah yang dihadapi di seluruh negara dan Labuan tidak terkecuali daripada masalah ini. Untuk mengatasi masalah pengangguran, Kerajaan sedang

mengambil tindakan yang tertentu untuk mengatasi keadaan kelembapan ekonomi yang ada sekarang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod daripada Jabatan Tenaga Rakyat Cawangan Labuan hanya terdapat lebih kurang 200 orang belia yang mendaftar diri untuk mendapat pekerjaan di dalam sesuatu masa. Walaupun dikatakan terdapat banyak pengangguran di Labuan, tetapi dari pengalaman pihak-pihak pengambilan kerja seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan-jabatan Kerajaan tertentu, mereka mengalami kesulitan kerana kurangnya pemohon-pemohon yang berkelayakan dari penduduk Labuan sendiri. Namun demikian, langkah-langkah telah diambil untuk melonggarkan syarat-syarat kelayakan bagi memastikan anak-anak tempatan dapat diambil bekerja.

Bagi mengatasi masalah pengangguran ini pada keseluruhannya, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui cawangan-cawangannya di Labuan dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain telah mengambil beberapa langkah, iaitu seperti berikut:

- (i) Mengiklankan jawatan-jawatan kosong melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Sabah. Deraf iklan-iklan juga telah dihantar kepada semua Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Kampung. Pada masa ini

pengiklanan juga dijalankan melalui Radio Malaysia Labuan;

- (ii) Meminta kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan-jabatan berkenaan yang mana sesuai supaya mengisi jawatan kosong kumpulan perkeranian dan rendah (C dan D) dengan anak-anak tempatan;
- (iii) Mengadakan bengkel-bengkel usahawan dan perniagaan untuk belia-belia dan mereka yang berminat melalui KEMAS, MARA, Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pertanian. Bengkel-bengkel seperti ini selalu diadakan dan kebanyakan belia-belia di Labuan telah melibatkan diri;
- (iv) Mengadakan peluang-peluang kerja di dalam projek-projek kecil kepada penduduk-penduduk tempatan. Projek-projek kecil ini adalah seperti yang dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor kecil melalui Jabatan-jabatan Kerja Raya;
- (v) Memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon tempatan untuk mengikuti kursus-kursus di institusi-institusi tempatan, misalnya Instituti Latihan Perindustrian;
- (vi) Meminta syarikat yang mendapat kontrak-kontrak besar daripada Kerajaan seperti pembinaan Masjid Labuan, pembesaran Lapangan Terbang Labuan supaya menggunakan tenaga kerja anak-anak tempatan; dan
- (vii) Menggalakkan lebih banyak pelaburan-pelaburan baru ke Labuan bagi membuka

peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang lebih umur dan mempunyai pengalaman bekerja di pihak swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, selain dari Pegawai-pegawai Semenanjung yang bertugas di Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat, terdapat juga pegawai-pegawai yang dipinjamkan dari Kerajaan Negeri Sabah yang bertugas di Majlis Perbandaran Labuan. Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri hanya bertugas selama 2 tahun dan apabila tamat tempoh perkhidmatan mereka, Majlis Perbandaran Labuan akan mengisi jawatan tersebut melalui peraturan yang sedia ada dengan anak-anak tempatan yang berkelayakan. Bagi kakitangan yang berasal dari Semenanjung Malaysia adalah menjadi amalan biasa Kerajaan bahawa mereka akan ditukarkan ke mana-mana sahaja di Malaysia apabila perkhidmatan mereka di Labuan tamat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berapakah jumlah anak-anak tempatan dan juga Pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia ini yang bertugas di Labuan buat masa ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi Jabatan-jabatan yang di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, suka saya menyatakan bahawa setakat ini hanya 12 orang sahaja pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Semenanjung, 9 daripada Sabah dan sebanyak 25 orang adalah terdiri daripada anak-anak tempatan sendiri.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar

bahawa masalah pegawai-pegawai daripada Semenanjung tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana negeri dalam Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Habis?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis, sila duduk, ya atau tidak?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Ya, dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

NILAI RINGGIT

2. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan menimbang untuk menurunkan nilai ringgit sebagai langkah untuk membantu mengatasi kesusahan ekonomi semasa yang dihadapi oleh negara seperti dilakukan baru-baru ini oleh Indonesia.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan nilai ringgit. Seperti yang telah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, nilai ringgit adalah berasaskan pergerakan permintaan dan bekalan di dalam pasaran tukaran wang asing.

Penurunan nilai ringgit berbanding dengan lain-lain matawang utama baru-baru ini adalah terutama kerana kelemahan prestasi eksport dan kelemahan prestasi ekonomi pada amnya.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah ini telah pun dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Objektif langkah-langkah tersebut adalah untuk meningkatkan keupayaan persaingan barang-barang eksport Malaysia, khususnya eksport barang perkilangan dan seterusnya

menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri.

Untuk menjayakan usaha-usaha ini kerjasama dan respon yang positif dari sektor swasta adalah perlu untuk membolehkan prestasi eksport yang lebih baik dan pertumbuhan ekonomi yang cepat. Jika ekonomi negara bertambah baik, nilai ringgit juga akan menjadi lebih stabil dan kukuh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya langkah-langkah yang diambil sekarang itu tidak lagi mendatangkan kesan yang boleh nampak sekarang. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menurunkan nilai ringgit ini apabila langkah-langkah yang diambil itu tidak begitu berkesan dan dengan keadaan sekarang bukannya langkah-langkah yang diambil tidak dapat menyokong nilai ringgit setakat ini.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, menurunkan nilai matawang ringgit bukanlah langkah yang bijak untuk mengatasi masalah ekonomi kita. Ini kerana antara lain, penurunan nilai sesuatu matawang selalunya akan diikuti dengan inflasi yang mungkin akan membawa kesan yang lebih buruk kerana inflasi selalunya adalah sukar dikawal.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada membantu mengatasi masalah kesusahan ekonomi semasa, apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan penurunan matawang oleh Kerajaan?

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara adalah ekonomi terbuka. Oleh sebab-sebab yang tertentu keadaan ekonomi dunia sekarang adalah kurang stabil dan sebab-sebab ini tidak dapat dikawal oleh negara kita sendiri. Oleh itu, sukarlah untuk menentukan mana faktor yang menyebabkan penurunan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

(Soalan No. 3 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir)

UNIVERSITI SWASTA— PENUBUHAN

4. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan di atas kenaikan belanja untuk universiti-universiti di luar negeri apakah tindakan yang diambil oleh Menteri Pelajaran untuk mendapatkan lebih tempat untuk murid-murid khasnya daripada golongan yang berpendapatan rendah dalam universiti-universiti di dalam dan luar negeri dan berkaitan dengan masalah tersebut bolehkah Kerajaan membenarkan pihak swasta untuk menubuhkan universiti-universiti swasta dalam negara kita.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha untuk menambahkan tempat di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan supaya lebih ramai pelajar-pelajar dapat melanjutkan pelajaran mereka. Di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah membesarkan kampus induk, menambah kampus-kampus cawangan, mengadakan kursus-kursus pengajian baru dan menubuhkan jabatan-jabatan baru.

Walau bagaimanapun, kita juga harus menyedari bahawa adalah sukar bagi mana-mana negara menyediakan tempat untuk semua pelajar yang layak dan mahu melanjutkan pelajaran mereka di pusat-pusat pengajian tinggi. Calon-calon tidak boleh tidak mestilah melalui proses pemilihan dan persaingan yang ketat. Oleh itu, calon-calon yang paling layak dan sesuai sahaja dapat

diberikan tempat. Di samping itu, pengambilan masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi juga perlu disesuaikan dengan permintaan tenaga kerja dan kemampuan negara menyerap para graduan tersebut.

Mengenai tempat-tempat belajar di luar negeri, pelajar-pelajar bolehlah melanjutkan pelajaran mereka di negara-negara dan universiti-universiti yang diiktiraf atau tidak dan sesuai mengikut kemampuan masing-masing.

Mengenai universiti-universiti swasta pula, Kerajaan tiada rancangan untuk membenarkan penubuhannya dalam negara ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan di atas ada beberapa banyak murid-murid di negara kita perlu dinaikkan ke peringkat pelajaran tinggi, bolehkah Yang Berhormat Menteri membenarkan institusi-institusi tertinggi di dalam negeri untuk menjalankan kursus-kursus tertinggi di dalam negeri ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, eloklah saya jelaskan bahawa kadar pertambahan tempat bagi ijazah pertama telah meningkat hampir 50% dalam 5 tahun kebelakangan ini.

Yang kedua, sepertimana perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, kita sekarang mencari jalan untuk meningkatkan jumlah pengambilan pelajar-pelajar dan mulai tahun akan datang jumlah pengambilan pelajar-pelajar baru akan ditambah daripada kadar pertumbuhan yang biasa.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kedudukan sekarang tempat-tempat untuk anak Malaysia kekurangan dalam universiti. Mengapakah Kerajaan tidak membenarkan universiti-universiti swasta ditubuhkan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasannya sepertimana yang kita sedia maklum telah dibangkitkan dan telah dijawab dari semasa ke semasa, tetapi memadailah untuk saya katakan bahawa pertimbangan Kerajaan adalah agar semua pusat-pusat pengajian tinggi tertakluk kepada Akta Pelajaran dan Dasar Pelajaran Negara. Dan keduanya, Kerajaan akan terus menggunakan seluruh kuasa dan mewujudkan universiti-universiti baru dan mengembangkan yang sedia ada sekiranya keadaan dan tenaga tenaga pengajar dan kewangan membolehkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdullah.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad tidak mengemukakan soalan)

PERSIDANGAN PATA 1986— PERBELANJAAN

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk Persidangan PATA 1986 dan Pacific Travel Mart yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan April yang lalu. Apakah hasil konkerit yang telah dicapai daripada Persidangan ini. Adakah beliau sedar bahawa lawatan selepas Persidangan PATA oleh para wakil PATA telah tidak berjaya jika diperhatikan dari penyertaan yang tidak memuaskan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah terangkan di sidang Parlimen yang lalu, sejumlah \$7,716,549 telah pun diperuntukkan bagi kerja-kerja persiapan dan penganjuran Persidangan PATA 1986, PATA Travel Mart dan PATA Trade Show.

Mengikut penyata akaun Persidangan PATA 1986 jumlah sebenar yang telah dibelanjakan untuk ketiga-tiga aktiviti utama PATA tersebut ialah \$7,467,953.79. Dari jumlah ini, sebanyak \$4.169 juta telah dibelanjakan untuk program penggalakan yang lebih bertujuan bagi memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen utama di rantau ini, di samping untuk menarik lebih ramai para delegasi bagi menghadiri Persidangan PATA 1986. Dengan itu jumlah yang dibelanjakan khusus bagi penganjuran ketiga-tiga aktiviti PATA tersebut ialah sebanyak \$3.299 juta. Untuk makluman Dewan ini, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan adalah sebanyak \$5,427,590 dan yang selebihnya adalah berupa sumbangan dari sektor swasta.

Mengenai kesan Persidangan PATA 1986, perkara ini telah pun saya jelaskan semasa memberi jawapan terhadap soalan Yang Berhormat Encik S. S. Subramaniam pada 9hb Oktober 1986. Sebagai kesimpulannya, saya sukalah menegaskan sekali lagi di sini bahawa penganjuran Persidangan PATA 1986 sesungguhnya telah pun menunjukkan kesan yang amat positif bukan sahaja ke arah meninggikan imej negara bahkan juga sebagai asas yang amat berguna kepada sektor swasta untuk meneruskan usaha-usaha perniagaan mereka bagi meningkatkan lagi kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini. Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan menerusi TDC, telah pun berjaya menyediakan peluang yang sebaik-baiknya kepada sektor swasta untuk mengambil tindakan-tindakan susulan ke arah melipatgandakan lagi perkembangan industri pelancongan negara bagi masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan para delegasi Persidangan PATA yang telah mengikuti lawatan selepas

persidangan adalah seramai 224 orang. Jumlah ini tidak meliputi mereka yang telah membuat lawatan secara persendirian ke tempat-tempat tertentu di negara ini yang dianggarkan melebihi 300 orang. Dengan ini jumlah sebenarnya para delegasi yang membuat lawatan di seluruh negara selepas Persidangan PATA 1986 adalah lebih dari 524 orang. Jumlah ini adalah jauh lebih tinggi dari bilangan yang diperolehi oleh negara-negara lain yang pernah menganjurkan Persidangan-persidangan PATA. Mengikut kajian Ibu Pejabat PATA, pada kebiasaannya hanya kira-kira 10% sahaja para peserta persidangan yang pernah membuat lawatan secara kumpulan selepas sesuatu Persidangan Tahunan PATA. Berdasarkan kepada keterangan-keterangan ini maka adalah tidak benar bahawa lawatan selepas Persidangan PATA di Malaysia telah tidak mencapai kejayaan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Speaker, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah tertentu yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan lebih ramai lagi pelancong-pelancong luar negeri melawat ke negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan yang ditanyakan ialah berkenaan dengan PATA, bukan perkara-perkara yang lain yang kena dibuat. Sila Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk Persidangan PATA 1986, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan sebahagian daripada wang itu dibelanjakan untuk memperindahkan Bandaraya Kuala Lumpur ini sendiri. Jadi, bolehlah dikatakan bahawa dua faedah yang

diperolehi iaitu satunya untuk mengadakan Persidangan PATA, yang kedua ialah memperindahkan Bandaraya Kuala Lumpur. Dengan itu, adakah jumlah yang dibelanjakan itu melibatkan suatu perkara yang memberi kebaikan kepada Kerajaan kerana ia menjadikan dua perkara dapat dilakukan dalam satu masa.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka itu saya tidak ada di sini. Saya berkehendakan notis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa selepas Persidangan PATA sebahagian besar wakil-wakil PATA dicolek oleh negara-negara jiran khususnya negeri Thai dan negeri Singapura. Jadi, apakah tindakan ataupun langkah-langkah akan diambil oleh pihak Kerajaan di masa depan apabila negara kita akan mengadakan sekali lagi Persidangan PATA.

Soalan tambahan kedua, Tuan Speaker, sila beritahu Dewan yang mulia ini apa telah terjadi kepada lagu tema PATA iaitu "To know Malaysia is to love Malaysia"?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat gunakan perkataan "colek" tadi

Tuan Hu Sepang: Colek, ya, atau kidnap—betul.

Tuan Yang di-Pertua: Kidnap. Adakah mereka ini

Tuan Hu Sepang: Tuan Speaker, patut mereka hendak melawat tempat-tempat seluruh tanahair kita ini tetapi mereka telah didapati di negeri Thailand dan Singapura. Ini merupakan "colek" (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Bukan colek sungguh-sungguhlah.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu ada hal itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang No. 2 bersangkutan dengan "To know Malaysia is to love Malaysia"—lagu itu macamana kedudukan sekarang?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, tema ini kita masih pakai.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran daripada Persidangan PATA ini saya rasa pihak-pihak berkuasa tentu sekali sedang mengira secara perangkaan kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tahu bahawa besar kemungkinan perangkaan itu dibuat dengan cara penghitungan dua kali, iaitu satu perkara yang sama. Umpamanya orang-orang mungkin tiba ke Singapura dan datang ke Johor Bahru, kemudian pulang semula ke Singapura dan daripada Singapura datang semula ke Kuala Lumpur. Jadi, mungkin orang yang seorang itu dikira sebagai dua orang untuk menyedapkan perhitungan pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tak berapa hendak faham itu. (*Ketawa*). Seolah-olah soalan itu satu kenyataan, bukan satu pertanyaan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, sebab perusahaan pelancongan ini bergantung kuat kepada angka iaitu jumlah pelancong-pelancong yang datang.

Tuan Yang di-Pertua: Apa pertanyaannya itu?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Jadi, saya hendak bertanya sama ada cara orang mengira untuk membuat perangkaan pelancong-pelancong datang ke negeri ini mengambil kira sekiranya orang itu datang ke Singapura, kemudian datang ke Johor

Bahru, dikira seorang, tetapi orang yang sama juga balik ke Singapura dan daripada Singapura dia datang ke Kuala Lumpur. Tidakkah ada kemungkinan orang yang seorang itu dihitung sebagai dua untuk menyatakan bahawa pelancong bertambah ramai datang ke negara kita. Saya ingat sudah terang (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah terang (*Ketawa*). Sudah kira dua kali.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Angka itu Kementerian tidak dapat, tetapi itu satu cadangan yang bagus. Saya boleh ambil perhatian (*Ketawa*).

PASARAN/HARGA BARANGAN MALAYSIA

7. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah penekanan utama Kementerian dalam usaha menambah dan membaiki pasaran dan harga barangan Malaysia termasuk barangan utama di luar negeri;
- (b) sejauh manakah MIDA dan Suruhanjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri telah dapat membantu memainkan peranan dari segi mencari pasaran baru dan meningkatkan pasaran lama bagi barangan Malaysia di luar negeri; dan
- (c) apakah langkah yang sejajar telah diambil oleh MIDA dan Suruhanjaya Perdagangan di luar negeri bagi menyelaraskan usaha Kerajaan dalam "Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia".

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) antara usaha-usaha yang dijalankan oleh

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membaiki pasaran dan harga barangan Malaysia di luar negeri adalah seperti berikut:

- (i) melalui kajian pasaran, pengeluar-pengeluar barangan Malaysia dapat mengetahui kehendak-kehendak pasaran terutama dari segi kualiti, spesifikasi, harga dan persaingan yang dihadapi;
- (ii) seminar-seminar diadakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memaklumkan kepada pengeksport-pengeksport secara lebih dekat bagaimana pasaran barangan Malaysia dapat ditingkatkan lagi; dan
- (iii) menghantar rombongan-rombongan perdagangan dan menyertai pameran-pameran tertentu di luar negeri.

Berhubung dengan soalan (b) adalah dimaklumkan bahawa Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan telah dapat membantu mencari pasaran baru dan meningkatkan pasaran lama dengan terlibat bersama menyelaraskan rombongan-rombongan perdagangan yang dihantar sama ada oleh pihak Kerajaan atau oleh pihak swasta. Kajian pasaran untuk barang tertentu dibuat sama ada atas inisiatif Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan sendiri atau atas permintaan-permintaan dari pihak pengeksport Malaysia untuk meningkatkan pasaran yang sedia ada dan untuk pasaran baru. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan juga adalah dikehendaki melaporkan sebarang peluang sama ada untuk meningkatkan pasaran yang sedia ada, atau yang baru kepada pengeksport-pengeksport Malaysia. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan juga bersedia mengaturkan perjumpaan-perjumpaan di antara pengeksport

Malaysia dan pihak pengimport supaya hubungan rapat dapat dijalinan antara kedua-dua pihak bagi meningkat eksport negara.

Bagi soalan (c) pula, langkah-langkah yang telah saya huraikan tadi adalah untuk menggalakkan penjual barangan buatan Malaysia yang memang merupakan peranan utama yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut dan adalah selaras dengan "Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia".

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini tentang betapa berjayanya "Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia" ini dan di samping ini suka juga saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apakah usaha yang telah diambil untuk memastikan bahawa salah satu cara untuk menjayakan "Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia" ini ialah untuk memastikan bahawa semua Menteri, Timbalan Menteri dan ahli-ahli pihak Kerajaan akan membeli barang buatan Malaysia ini dan bukan membeli barang buatan negara lain?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, "Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia" belum mencapai kejayaan yang tinggi kerana ada ramai penduduk-penduduk tiada menyokong kempen ini. Tetapi saya pun tidak faham mengapa pihak Pembangkang pun tidak support kempen itu. Usaha-usaha Kementerian ada banyak, sekarang ada dua langkah iaitu:

- (i) kita ada satu minggu "Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia". Itu kita sudah atur pada 15hb November hingga 22hb November; dan

- (ii) ada lagi satu, kita ada satu "Buy Malaysia Fair" yang dikendalikan oleh FMM, itu pun di bulan Disember.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, FMM itu apa dia?

Dato Kok Wee Kiat: Federation of Malaysian Manufacturers.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Mohd. Zihim bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian beritahu sejauh manakah kesan secara am yang telah dicapai oleh wakil-wakil perdagangan di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri? Kedua, negara manakah yang banyak sekali membeli barang-barang buatan Malaysia?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya belum tahu tetapi bila Yang Berhormat beri saya notis, saya boleh tambahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)

ZON EKONOMI EKSLUSIF (EEZ)—DASAR MALAYSIA

9. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah dasar-dasar Malaysia terhadap Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) nya di Laut China Selatan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin supaya Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia tidak dicabuli oleh negara-negara asing, memandangkan Zon tersebut kaya dengan bahan-bahan minyak dan perikanan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar Malaysia terhadap Zon Ekonomi Eksklusif, ataupun nama ringkasnya EEZ, di Laut China Selatan adalah seperti yang ditakrifkan oleh Akta Zon Ekonomi Eksklusif sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam *Warta Kerajaan* bertarikh 30hb April, 1985 dan ini telah mula berkuatkuasa pada 1hb Mei 1985.

Sebagaimana terkandung dalam Perkara 4, Bahagian II Rang Undang-undang tersebut, Malaysia mempunyai hak-hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploit, memelihara dan menguruskan sumber alam, sama ada hidupan atau bukan hidupan, dari dasar laut dan tanah bawah dan mengenai aktiviti-aktiviti lain bagi pengeksploitan ekonomi dan penjelajahan zon, seperti pengeluaran tenaga dari air, arus dan angin.

Malaysia juga mempunyai bidangkuasa mengenai perkara berikut:

- (i) penubuhan dan penggunaan pulau buatan, pemasangan dan struktur;
- (ii) penyelidikan saintifik laut;
- (iii) perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut.

Oleh itu kecuali jika dibenarkan, negara-negara asing tidak dibenarkan:

- (a) mengeksploit apa-apa sumber alam sama ada hidup atau bukan hidup;
- (b) menjalankan apa-apa kerja penyelidikan atau penggalian;
- (c) menjalankan apa-apa penyelidikan saintifik laut; atau
- (d) membina atau memberi kuasa dan mengawalselia pembinaan, pengendalian dan penggunaan

mana-mana pulau buatan ataupun apa-apa pepasangan dan struktur.

Walau bagaimanapun, salah satu daripada perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam melaksanakan hak-hak Malaysia di dalam Zon Ekonomi Eksklusif ialah hak kebebasan navigasi di dalam zon tersebut yang diberikan kepada kapal-kapal asing. Ini adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa. Undang-undang antarabangsa juga membenarkan kapal-kapal perang menikmati hak kebebasan navigasi dalam keadaan yang menasabah. Kapal-kapal perang tersebut dikehendaki mematuhi apa-apa undang-undang ataupun peraturan Malaysia apabila menggunakan hak kebebasan ini.

Kerajaan Malaysia juga sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara jiran, khususnya negara-negara yang pantainya bersebelahan dengan kita. Oleh itu semasa mengisytiharkan EEZ ini, Kerajaan telah memberi pertimbangan di dalam perundangan untuk mengadakan beberapa peruntukan yang akan menyelenggarakan perhubungan antarabangsa dan memupuk penggunaan perairan secara damai. Misalnya Akta Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia ini di dalam peruntukan-peruntukannya di antara lain memberi peluang untuk kerjasama di berbagai bidang aktiviti maritim misalnya penyelidikan saintifik di kawasan ini.

Dengan demikian dasar Malaysia ialah mempertahankan hak-hak Malaysia di Zon Ekonomi Eksklusifnya. Akan tetapi di dalam pelaksanaan dasar ini pertimbangan diberi kepada penyelenggaraan hubungan antarabangsa terutama sekali dengan negara-negara jiran yang juga berpantai dengan perairan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Undang-undang Zon Ekonomi

Eksklusif ini melibatkan beberapa agensi seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis Marin, Jabatan Perikanan, Jabatan Laut, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan tidak ketinggalan juga Tentera Udara Diraja Malaysia.

Kerajaan telah sedar bahawa untuk memperkuatkan undang-undang ZEE secara berkesan supaya tidak dicabuli oleh negara-negara asing, beberapa langkah harus diambil. Berikut daripada pengisytiharan kawasan ZEE oleh Malaysia pada 25hb April 1980, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal kepentingannya di dalam kawasan tersebut. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- (a) Penubuhan suatu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim di bawah Majlis Keselamatan Negara. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab antara lain untuk menyelaras penguatkuasaan undang-undang negara di perairan laut wilayah dan juga ZEE.
- (b) Penubuhan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim di Lumut yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan mengenai kordinasi penguatkuasaan undang-undang maritim.
- (c) Rondaan-rondaan khas oleh Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia di perairan Malaysia dan juga Zon Ekonomi Eksklusif.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pengisytiharan Zon Ekonomi Eksklusif memperluaskan lagi kawasan penguatkuasaan hak-hak

kita. Kerajaan Malaysia masih sedang berusaha untuk meningkatkan lagi kelengkapan-kelengkapan bagi melindungi kepentingan Malaysia di kawasan tersebut secara yang lebih berkesan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa perhubungan telah dibuat dengan negara-negara jiran yang bersama-sama pantai dengan negara kita. Soalan saya ialah, adakah mana-mana negara asing yang telah mengiktiraf perisytiharan EEZ negara kita, ataupun perisytiharan ini secara unilateral oleh negara kita sahaja. Jika ada, diminta memberi satu senarai.

Yang kedua, mengenai penguatkuasaan Akta EEZ itu dalam tempoh sejak pelaksanaan Akta ini, adalah peristiwa telah berlaku di mana hak negara kita telah dilanggar oleh kapal-kapal asing dari sudut perikanan ataupun pencemaran laut negara kita.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi satu perkara lumrah yang dihadapi oleh semua negara-negara yang mempunyai pantai iaitu timbul masalah-masalah tentang penindihan (overlapping) perairan yang diiktiraf sebagai haknya oleh negara-negara tersebut. Kita memang juga mempunyai masalah yang sama dengan semua negara-negara jiran kita dan ini sedang diselesaikan mengikut semangat ASEAN dan setiakawan negara-negara jiran.

Tentang apakah tindakan kita mengenai hak-hak kita yang telahpun dicerobohi oleh negara-negara asing, memang ini sepanjang masa berlaku, bukan sahaja orang lain yang mencerobohi perairan kita, tetapi ada juga kadang kalanya nelayan-nelayan kita juga mencerobohi perairan orang

lain. Ini adalah neighbourly problems, masalah-masalah kejiiran yang sentiasa berlaku dan ini juga kita sedang menyelesaikan dan mengurangkan seboleh-bolehnya secara perundingan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, adakah cadangan untuk mempertingkatkan usaha-usaha rondaan keselamatan laut untuk menjamin keselamatan nelayan-nelayan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan, memang kita sedang memperbaiki dan membanyakkan lagi kelengkapan-kelengkapan yang sesuai untuk menjalankan kerja-kerja perondaan ini.

MAGISTRET/PRESIDEN MAHKAMAH SESYEN—GAJI

10. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kehakiman menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan semula gaji-gaji Magistret dan Presiden Mahkamah Sesyen supaya menggalakkan lebih ramai siswazah undang-undang berkhidmat dalam Jabatan Kehakiman dan menyimpan mereka yang ada.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, seperti perkhidmatan Kerajaan yang lain, pertimbangan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Undang-undang termasuklah Majistret dan Presiden Mahkamah Sesyen, adalah juga tertakluk kepada semakan gaji oleh Kerajaan bagi Perkhidmatan Awam keseluruhannya.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu waktu dahulu lebih kurang dalam tahun 1984, kalau tidak silap saya, telah berlaku di mana ramai

pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan undang-undang telah meninggalkan jawatan mereka. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sebab-sebab dan kedudukan yang sebenar kerana berlakunya perkara yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, soalan itu soalan lain. Soalan yang ditanyakan sekarang ialah mengenai menimbang semula gaji-gaji.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju gaji Majistret adalah perkara di bawah Judicial Department, tetapi masalah perkara kekurangan Hakim-hakim adalah satu perkara yang harus dipertanggungjawabkan oleh pihak Kerajaan. Soalan saya ialah apakah tindakan akan diambil untuk menghadapi masalah ini supaya kita tidak akan menggunakan, "justice delayed is justice denied" oleh kerana backlog kes-kes itu.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sedang menyiapkan senarai untuk mengisi kekosongan di dalam bahagian Judiciary, tetapi mengikut trend sekarang, nampaknya kekurangan pegawai-pegawai undang-undang tidaklah banyak.

GURU AGAMA SEKOLAH-SEKOLAH DI SABAH

11. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan-ancangan Kementerian Pelajaran bagi mengatasi kekurangan bilangan guru-guru agama di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di Sabah di mana terdapat banyak penuntut-penuntut yang beragama Islam. Sekiranya Kementerian Pelajaran mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah ini, adalah menjadi harapan agar Kementerian Pelajaran dapat menghantar guru-guru agama di Pulau

Bum-bum dan Pulau sekitarnya kawasan Balung kerana terdapat banyak penuntut-penuntut tidak menerima pendidikan agama disebabkan ketiadaan guru-guru agama bagi memberikan didikan kepada mereka.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran ialah menghantar guru-guru agama siswazah yang terlatih, guru-guru agama pelatih dan guru-guru agama tidak terlatih tetapi mempunyai kelayakan yang sesuai untuk berkhidmat di Sekolah Menengah dan Rendah di Sabah.

Kementerian juga telah menempatkan guru-guru agama di Pulau Bum-bum. Walau bagaimanapun terdapat juga sebilangan kecil sekolah-sekolah di kawasan pedalaman dan pulau-pulau yang kekurangan guru-guru agama. Masalah kekurangan ini bukanlah sahaja berlaku di kawasan tersebut tetapi juga di tempat-tempat lain di negara kita.

Bilangan guru agama di Sabah pada masa sekarang ialah seramai 961 orang iaitu 721 bagi Sekolah Rendah dan 240 bagi Sekolah Menengah. Kekurangan guru agama di Sabah pada masa sekarang adalah di antara 30-40 orang sahaja dan ini kesemuanya di kawasan-kawasan pedalaman dan pulau-pulau di mana sukar perjalanan dan perhubungan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehubungan dengan ini saya ingin tahu berapa ramai pula guru-guru bukan Islam yang dihantar mengajar ke Sabah dan benarkah sebahagian daripada mereka di samping mengajar, juga dikatakan giat mengembangkan agama Kristian. Jika benar, apakah tindakan Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak membenarkan. Yang ditanyakan ini ialah berkenaan dengan kekurangan guru-guru Sekolah Menengah Agama Islam.

YURAN SEKOLAH DI AUSTRALIA—KENAIKAN

12. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada utusan keras telah disampaikan kepada Kerajaan Australia untuk menyakinkan mereka bahawa kenaikan yuran-yuran sekolah dan universiti-universiti di antara 15-41% yang adalah terlalu tinggi mungkin menjejaskan kepentingan kedua-dua negara masing-masing dan jika ada berikanlah butir-butir selanjutnya; sama ada satu tabung atau rancangan yang lain telah dicadangkan untuk membantu pelajar-pelajar Malaysia di Australia yang tidak dapat meneruskan pelajaran tinggi mereka di Australia kerana kenaikan yuran sekolah yang amat tinggi itu dan jika ada berikanlah butir-butirnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun membuat beberapa kali rayuan kepada Kerajaan Australia untuk menangguhkan dan mengurangkan kenaikan yuran pengajian supaya tiada terlalu membebankan pelajar-pelajar kita. Walau bagaimanapun, keputusan menaikkan yuran pengajian adalah hak mutlak Kerajaan negara berkenaan dan kita tiada berkuasa menghalangnya selain dari mengemukakan rayuan dan bantahan.

Mengenai skim pinjaman untuk pelajar-pelajar luar negeri pula, Kerajaan tidak dapat mengadakan skim baru tambahan kerana kedudukan ekonomi negara sekarang sedang meleset.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak minta Yang Berhormat

Menteri Pelajaran, memandangkan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa negara Malaysia tidak akan tunduk kepada sesiapa pun, mengapakah ia tidak berbuat demikian dengan Kerajaan Australia. Kerana ada dua aspek, satu, bahawa perhubungan perdagangan dua hala yang tidak seimbang di mana kelebihan Australia ialah sejumlah \$200 juta dan anggaran kenaikan yuran ini adalah sebanyak \$20 juta sahaja. Aspek kedua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat diminta mengemukakan soalan, jangan buat ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, mengapa dia tidak hantar satu bantahan keras kerana aspek yang telah saya nyatakan itu. Dan mengenai skim pinjaman, mengapakah skim pinjaman sekarang tidak boleh dilaksanakan memandangkan tahun lalu sekumpulan pelajar yang telah gagal di dalam peperiksaan boleh dihantar ke luar negeri.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tidak tunduk kepada sesiapa pun. Tetapi kalau Kerajaan Australia mengambil keputusan menaikkan yuran, kita tunduk tak tunduk pun yuran naik juga. Jadi tidak ada hubungan sama sekali dengan pendirian kita.

Soal rayuan telah kita kemukakan berulang kali. Dan bekas Menteri Pelajaran yang lalu telah pun berunding perkara ini dengan Menteri Pelajaran Australia tetapi keputusan muktamad adalah keputusan Australia. Sepertimana juga keputusan Kerajaan Malaysia untuk menaikkan yuran pembelajaran ataupun yuran peperiksaan itu hak mutlak negara kita. Inilah keterbatasan yang harus kita akui. Ini

tidak bermakna pula bahawa kita setuju dengan keputusan mereka.

Yang keduanya ialah tentang imbalan perdagangan yang menguntungkan Australia ini sedia diketahui tetapi penyelesaiannya ialah tindakan kita untuk sama ada kurang membeli dari Australia atau menambah eksport ke Australia. Kita memanglah bersetuju hendak mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke Australia mulai sekarang memandangkan yuran yang tinggi.

Mengenai skim pinjaman, saya telah jelaskan bahawa memang kita berhasrat untuk membantu pelajar-pelajar kita. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka maksudkan dengan beberapa langkah yang terdahulu memanglah kita committed, dengan izin, untuk membantu pelajar-pelajar yang pergi atas biaya biasiswa Kerajaan. Tetapi kita tidaklah mempunyai keupayaan untuk membantu kesemua pelajar-pelajar termasuk pelajar-pelajar swasta yang ada di Australia, paling tidak Jabatan Penuntut Malaysia akan meneliti dan mencari jalan untuk mendapatkan penyelesaian melalui usaha lain dengan pihak swasta. Tetapi saya difahamkan bahawa setakat ini pelajar-pelajar kita telah dapat menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengapa pihak Kerajaan tidak dapat mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu tabung pusingan bagi tujuan untuk membantu pelajar-pelajar kita meneruskan pelajaran mereka; oleh kerana sekiranya satu tabung pusingan ini dapat ditubuhkan maka pihak usahawan-usahawan dapat menderma kepada tabung itu untuk membantu pelajar-pelajar.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat

dari Bukit Bintang nampaknya tidak mengikuti banyak perkembangan, berpuluh tabung yang ada, kalau saya hendak senaraikan pun boleh. Saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat buat homework sedikit, dia tahulah banyak tabung-tabung yang ada yang terbuka kepada semua pelajar untuk memohon.

PENGEDAR DADAH YANG DIGANTUNG

13. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pengedar-pengedar dadah yang telah digantung di negeri ini semenjak tahun 1980 dan jumlah yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman tersebut di penjara-penjara negeri ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 1980 hingga Ogos, 1986 seramai 41 orang telah digantung kerana kesalahan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1982 bersabit dengan pengedaran dadah. Jumlah 41 orang ini adalah termasuk 4 orang yang dijatuhkan hukuman dalam tahun 1979 tetapi digantung selepas tahun 1980. Seramai 83 orang yang telah disabitkan dan dihukum oleh mahkamah di bawah Seksyen 39B Akta tersebut sedang ditahan di penjara menunggu pertimbangan rayuan kepada mahkamah atau kepada Lembaga Pengampunan yang berkenaan.

Tuan Hu Sepang: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberitahu dari jumlah orang-orang yang ditahan itu, ada berapa orang asing dan negara masing-masing itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

maaf, kerana saya tidak ada mempunyai butir-butir tersebut. Minta notis.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, selepas hukuman gantung mandatori yang dikuatkuasakan pada 14hb April 1983, adakah selepas masa itu berlaku kekurangan dalam kes-kes pengedar dadah atau ada tambahan dalam bilangan kes-kes seperti itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes dadah ini banyak yang dapat kita pecahkan, tetapi mengikut kes yang digantung ini jumlahnya adalah lebih besar daripada masa-masa yang lepas.

EKSTREMISME AGAMA

14. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan berapa bentukkah ekstremisme yang wujud di dalam negara kita. Di antara bentuk-bentuk ekstremisme yang wujud, yang manakah lebih bahaya. Adakah pihak Kerajaan menganggap badan-badan agama seperti Al-Arqam sebagai ekstremisme agama. Sepanjang pengetahuan Kerajaan, pernahkah lain-lain agama contohnya agama Buddhisme, Kristian, Hinduisme dan lain-lain agama didapati mempunyai golongan-golongan ekstremisme dan lain-lain agama didapati mempunyai golongan-golongan ekstremisme agama masing-masing. Apakah di antara langkah-langkah yang berkesan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ekstremisme agama di dalam negara.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, ekstremisme merupakan suatu perlakuan, percakapan atau penulisan yang bertujuan untuk mengembang atau merancang sesuatu kepentingan sama ada bangsa, kaum, agama, ideologi, politik dengan cara yang

bercanggah dengan atau melampaui lunas-lunas tatasusila atau moral masyarakat setempat, agama atau perundangan sesuatu negara.

Semua bentuk ekstremisme adalah sama bahayanya kepada keselamatan dan kesejahteraan negara. Semua bentuk ekstremisme tersebut ada wujud di negara ini tetapi tahap ancumannya adalah berbeza. Negara ini masih lagi diancam oleh pengganaspengganasan yang berideologi komunis yang cuba merampas kuasa melalui kekerasan bersenjata. Peristiwa 13hb Mei 1969 adalah contoh utama ancaman yang melibatkan ekstremisme perkauman. Kejadian yang berlaku di Balai Polis Batu Pahat pada 16hb Oktober, 1986 adalah peristiwa akibat ekstremisme agama manakala ekstremisme politik pula timbul apabila parti-parti politik bergiat menonjolkan kepentingan-kepentingan sesuatu puak, golongan tanpa mengira kesan buruknya kepada keharmonian dan perpaduan rakyat.

Kerajaan tidak menganggap Al-Arqam sebagai satu badan ekstremisme agama kerana kegiatannya setakat ini tidak menimbulkan ketegangan di antara kumpulan-kumpulan masyarakat atau mengancam keselamatan negara selagi badan agama seperti itu mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kebebasan beragama dalam menjalankan aktiviti-aktiviti mereka.

Kerajaan mempunyai berbagai badan dan agensi untuk menjalankan tugas mengatasi masalah ekstremisme agama di dalam negara ini. Di peringkat agensi, Kerajaan telah mewujudkan Bahagian Hal Ehwal Agama di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Sebuah Pusat Islam di bawah kawalannya juga telah diwujudkan untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengesanan masalah ekstremisme

dalam agama Islam. Kerajaan juga telah mewujudkan sebuah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam di peringkat negara dan Majlis-majlis Hal Ehwal Agama Islam di peringkat negeri. Tugas mengatasi masalah-masalah ekstremisme di negara ini juga di kawal oleh Majlis-majlis ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di bawah Kementerian apakah atau Jabatan apakah Al-Arqam dan aktivitiinya seperti sekolah-sekolah dan sebagainya dikawal, sama ada di bawah Jabatan Pelajaran ataupun Jabatan Agama?

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Al-Arqam ialah sebuah pertubuhan dan dikawal di bawah Akta Pertubuhan.

HOSPITAL DI LABUAN

15. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kementerian Kesihatan hendak mendirikan sebuah hospital yang baru menggantikan hospital lama yang ada sekarang dan adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan doktor yang ada sekarang memandangkan kian ramai rakyat terutama mereka yang miskin yang ingin mendapatkan rawatan perubatan, serta apakah langkah-langkah semasa yang diambil oleh Kementerian untuk meninggikan taraf perkhidmatan di hospital Labuan pada masa ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan tidak ada rancangan untuk membina hospital baru di Labuan pada masa ini. Dalam keadaan ekonomi negara yang kurang memuaskan, Kementerian Kesihatan telah mengkaji semula keutamaan pembinaan hospital-hospital bagi seluruh negara dan

berpendapat bahawa pembinaan hospital baru bagi Labuan adalah kurang dari segi keutamaannya jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain yang belum lagi mempunyai hospital, terutama sekali bagi kawasan-kawasan pendalaman.

Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan bahawa Hospital Daerah Labuan yang sedia ada walaupun merupakan sebuah hospital yang lama, tetapi ianya sentiasa diberi perhatian bukan sahaja dengan memperbaiki kerosakan tetapi juga menambah kemudahan yang perlu untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk di pulau itu. Hospital ini mempunyai 71 katil yang mana 50 hingga 53% sahaja digunakan pada masa ini.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar hospital yang ada pada hari ini telah dibina sebelum Perang Dunia Kedua yang keadaannya sungguh tidak memuaskan setaraf dengan perkhidmatan kesihatan yang seharusnya diberikan kepada masyarakat di pulau tersebut?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa keadaan itu begitu kurang memuaskan untuk kita dapat keutamaan bagi hospital baru. Baru-baru ini kita telah buat banyak kerja pengubahsuaian dan banyak wang telah pun dibelanjakan untuk menyempurnakan beberapa keperluan yang baru seperti surgery, autoclave dan sebagainya di hospital itu. Tidak ada komplek yang mendesak dari pesakit-pesakit.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berkenaan, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa bayaran yang dikenakan bagi mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan adalah dirasai begitu membeban oleh rakyat

golongan miskin di luar bandar di negara ini, sehingga ianya menjadi salah satu isu yang paling hangat dalam pilihanraya Parlimen baru lalu di Sabah. Jika ada, adakah kemungkinan bagi Kerajaan untuk menghapuskan bayaran yang dimaksudkan itu kelak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan asal ialah bersangkutan paut dengan Hospital di Labuan, bukan bersangkutan perkara dengan pembayaran.

Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5, 8, 16 dan 17 adalah diberi di bawah ini).

SURUHANJAYA BEBAS SELATAN—CADANGAN PERDANA MENTERI

3. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menyatakan benarkah Perdana Menteri selaku Ketua Delegasi Malaysia ke Persidangan Kemuncak Kelapan Pergerakan Berkecuali di Harare, Zimbabwe baru-baru ini telah mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Bebas Selatan dan Dr Nyerere, bekas Presiden Tanzania telah diterima mengetuai Suruhanjaya yang tersebut. Jika benar:

- (a) apakah tujuannya Suruhanjaya itu ditubuhkan;
- (b) siapakah yang menjadi anggotanya;
- (c) apakah peranan Suruhanjaya itu dalam mengatasi masalah kemiskinan kebuluran, buta huruf, kemelesetan ekonomi dan lain-lain yang dialami oleh negara-negara membangun di dunia ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Idea penubuhan Suruhanjaya Bebas Selatan mengenai Isu Pembangunan telah dipersetujui di Persidangan Antarabangsa Selatan-selatan II yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 5hb-8hb Mei 1986 lalu. Persidangan tersebut telah disertai oleh Ahli-ahli Ekonomi, Akademik dan Negarawan terkemuka di dunia ketiga secara persendirian.

Semasa persidangan Kemuncak Kelapan Negara-negara Berkecuali di Harare, Zimbabwe pada September lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke Tanzania bagi mempelawa Dr Julius Nyerere, bekas Presiden Tanzania untuk menjadi Pengerusi Suruhanjaya Selatan. Setelah berbincang dengan Dr Nyerere beliau telah bersetuju untuk mempengerusikan Suruhanjaya itu.

Tujuan penubuhan Suruhanjaya ini adalah untuk mencari jalan bagi memajukan dan mempergiatkan lagi kerjasama ekonomi Selatan-selatan. Ianya akan juga berusaha untuk memajukan kerjasama Selatan-selatan dengan menggunakan secara maksima "complementarities" ekonomi di Selatan.

Objektif utamanya adalah untuk mengkaji semula keadaan masakini negara-negara Selatan dan untuk mengesyorkan langkah-langkah konkrit mengenai masa depan kerjasama Selatan-selatan dan bagaimana negara-negara Selatan dapat bekerjasama dengan negara-negara lain untuk menyelesaikan krisis ekonomi dunia sekarang. Ianya juga akan mempertimbangkan langkah-langkah organisasi untuk memperkukuh kerjasama ini melalui penubuhan Urusetia Selatan. Suruhanjaya ini juga akan membuat syor-syor bagi mengurangkan pergantungan ekonomi Selatan kepada Utara dan untuk mengatasi

masalah kurangnya perhatian yang diberikan oleh pihak Utara terhadap masalah-masalah di Selatan.

Dr Julius Nyerere selaku Pengerusi Suruhanjaya Selatan akan membuat pemilihan ahli-ahli Suruhanjaya tersebut. Seramai 20 orang ahli akan menganggotai Suruhanjaya tersebut yang terdiri daripada ahli-ahli ekonomi, akademi dan negarawan daripada dunia ketiga yang mahir dan pakar dalam masalah Selatan dan kerjasama Selatan-selatan. Mereka akan menyertai Suruhanjaya tersebut secara orang perseorangan dan akan bekerja secara bebas dan tidak bertanggungjawab kepada sebarang Kerajaan atau pertubuhan antarabangsa. Pemilihan mereka adalah juga mengambil kira kepakaran mereka dalam pelbagai bidang dan kedudukan geografi bagi membolehkan mereka mewakili benua-benua Asia, Afrika dan Latin Amerika.

Peranan Suruhanjaya Selatan akan ditentukan oleh Dr Julius Nyerere bersama-sama ahli-ahlinya. Walau bagaimanapun adalah tidak dapat dinafikan bahawa Suruhanjaya Selatan akan memajukan kerjasama Selatan-selatan dengan harapan untuk mengurangkan kemiskinan, kebuluran, buta huruf dan memperbaiki keadaan ekonomi di Selatan. Dalam Persidangan Kelapan Negara-negara Berkecuali di Harare, Zimbabwe, September lalu, Perdana Menteri Zimbabwe, T.Y.T. Robert Mugabe setelah mempersetujui penubuhan Suruhanjaya Selatan telah

juga menyarankan agar Suruhanjaya Selatan harus menghasilkan strategi bersama dan langkah-langkah khusus bagi mengatasi kemiskinan, kebuluran, buta huruf kemerosotan ekonomi dan pelbagai masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara miskin. Namun begitu setelah Suruhanjaya Selatan menyelesaikan kerjanya dan membuat syor-syor tertentu maka adalah perlu bagi negara-negara membangun membuat libatan dan komitmen dan segi politik untuk melaksanakan pengesyoran Suruhanjaya Selatan. Hanya setelah syor-syor Suruhanjaya tersebut dilaksanakan maka masalah-masalah di Selatan akan dapat diatasi.

KAPAL TERBANG JET EKSEKUTIF KERAJAAN

5. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah kapal terbang "Jet Eksekutif" yang dimiliki oleh Kerajaan sekarang dan nyatakan perbelanjaan pengurusannya tiap-tiap tahun mulai dari 1981 hingga sekarang.

Perdana Menteri: Buat masa ini terdapat empat buah Jet Eksekutif Kerajaan yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia iaitu dua buah Jet Eksekutif Challenger dan dua buah Jet Eksekutif F-28.

Perbelanjaan pengurusannya bagi tiap-tiap tahun mulai dari tahun 1981 sehingga sekarang adalah seperti berikut:

Bil	Pesawat	1981	1982	1983	1984	1985	Jumlah
1.	F-28	7,138,560	6,200,480	4,930,640	4,541,680	4,004,000	26,815,360
2.	CHALLENGER	—	—	—	2,431,515	6,700,500	9,135,015

SKANDAL BMF—TINDAKAN MAHKAMAH

8. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan perakuan-perakuan Bahagian I-III Iktisar Khas Jawatankuasa Penyiasat BMF Ahmad Noordin yang diterima dan diambil tindakan oleh Bank Bumiputra dan Kerajaan dengan memberikan satu laporan kemajuan dan nyatakan perakuan-perakuan yang Bank Bumiputra telah menolak atau masih belum buat keputusan ke atasnya, dengan memberikan sebab-sebab.

Tuan Ng Cheng Kiat: Kerajaan melalui ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) telah mengambil tindakan-tindakan susulan bukan sahaja di Malaysia, bahkan di Hong Kong, sebagaimana yang telah disyorkan oleh Jawatankuasa Penyiasat. Tindakan-tindakan yang dijalankan di Malaysia ialah mengambil tindakan sibil di Mahkamah Tinggi ke atas Lorrain Osman, Dato' Hashim Shamsuddin dan Dr Rais Saniman bagi mendapatkan kembali wang yang dikatakan telah diterima oleh mereka sebagaimana tercatat di dalam Laporan kes "prima facie" rasuah.

Sementara di Hong Kong pula, BBMB/BMFL telah mengambil tindakan mahkamah ke atas beberapa buah syarikat iaitu Perak Pioneer Investment Ltd., Plessey Investment, Charis Limited dan Eda Investment Ltd., serta juga ke atas beberapa orang yang terlibat di Hong Kong iaitu George Tan dan Chung Ching Man. Di samping itu, Kerajaan Hong Kong juga telah memulakan urusan ekstradisi di Mahkamah di London ke atas Lorrain Osman dan Datuk Hashim Shamsuddin di mana kes ini masih di dalam perbicaraan. Tindakan-tindakan akan diambil selanjutnya berdasarkan kajian yang mendalam dibuat mengikut prinsip undang-undang.

DATO' ALEX LEE (D & C BANK)— TUDUHAN

16. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Alex Lee dilepaskan daripada semua tuduhan pelanggaran undang-undang Akta Banking, Akta Cukai Pendapatan dan Akta Syarikat-syarikat, dan juga daripada tuduhan salahguna kuasanya sebagai seorang Pengurus Besar selaku Pengarah Urusan di Development & Commercial Bank Berhad pada tahun 1984 seperti dinyatakan dalam Laporan Bank Negara yang ditandatangani oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Abdul Aziz Taha, dan dihantar kepada Tuan Pengerusi Bank D & C Berhad itu; jika sesudah Dato' Alex Lee lepaskan, mengapa Menteri Kewangan tidak mengeluarkan suatu kenyataan untuk menafikan khabar-khabar angin di Pasaran Saham dan di Pasaran Kewangan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Satu penyiasatan telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia ke atas D & C Bank dalam tahun 1983 iaitu setelah Bank Negara Malaysia menerima aduan yang menyatakan bahawa Senator (pada masa itu) Y. L. Lee terlibat dalam penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan hal ehwal D & C Bank. Setelah penyiasatan tersebut selesai, Bank Negara mengambil keputusan bahawa tindakan lanjut tidak perlu diambil terhadap Dato' Alex Lee. Beliau berhenti dari memegang jawatan Pengurus Besar dan Pengarah Eksekutif D & C Bank pada 1-9-84.

PERLEMBAGAAN PERSE- KUTUAN—PINDAAN

17. Tuan P. Pato minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengemukakan satu pindaan kepada Perkara 48 (1) (e)

Perlembagaan Persekutuan supaya seseorang hilang kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen jika ia telah disabitkan suatu kesalahan oleh mana-mana mahkamah dan bukan hanya oleh mana-mana mahkamah dalam Persekutuan supaya memastikan penjenayah-penjenayah yang disabitkan di luar Malaysia dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tidak wujud di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat mana-mana Majlis Parlimen dan untuk menjaga kemuliaan Parlimen.

Dato' Oo Gin Sun: Pertanyaan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8-10-86. Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa

membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh.” (10hb Oktober, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi peluang untuk membahaskan Usul Terima Kasih atas Titah Diraja satu jam lagi besok dan lepas itu Menteri-menteri akan menjawab.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai, sila sambung. Yang Berhormat ada tujuh minit lagi.

3.35 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa yang diberi hanya tujuh minit, saya rasa tidak memadai bagi saya yang sudah menyediakan begitu banyak bahan-bahan yang hendak disentuh.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan cakap yang lain-lain, teruskanlah.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tetapi saya cuba sedaya-upaya yang mana sempat.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan membazir masa. Sila.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, antaranya Kerajaan akan terus berjimat cermat dan terus berusaha mengatasi keadaan itu. Manakala rakyat pula mestilah berdikari dan bekerja keras untuk menambahkan produktiviti. Di samping itu juga, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah mengatasi masalah ini, di antaranya menambahkan pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah rumah sekarang ini adalah

menjadi masalah yang besar terutama di Kuala Lumpur kerana banyak yang menunggu untuk mendapat giliran. Oleh yang demikian, saya mengharapkan supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dapat menambahkan seberapa segera yang boleh memandangkan keadaan-keadaan ini terlalu rumit, lebih-lebih lagi dengan keadaan-keadaan setinggan yang begitu banyak di Kuala Lumpur ini. Oleh itu, dalam masalah ini juga sebagaimana yang diterangkan daripada 80,000 unit yang akan disediakan oleh Kerajaan Pusat bagi seluruh negara 13,000 unit daripadanya akan didirikan di Kuala Lumpur.

Dalam masalah ini masa pembinaannya, saya rasa sekarang ini memanglah elok kerana telah pun sedia ada dua dan tiga bilik. Masalah yang dihadapi ialah dengan keadaan harga yang begitu tinggi, bayaran sewa bulanan, umpamanya \$95 dan \$72 satu bilik. Dalam hal ini, kita mengharapkan supaya Kementerian mengkaji semula dengan keadaan kenaikan sewa memandangkan penduduk-penduduk yang dipindahkan dahulunya adalah mereka ini datangnya daripada tanah-tanah tanpa izin. Apa yang saya faham pada hari ini, daripada jumlah-jumlah yang telah dipindahkan ke rumah-rumah pangsa sekarang hampir-hampir 10% yang tidak dapat membayar sewa bulanan kerana tidak mampu dan dengan keadaan ini kita tidak menyalahkan mana-mana pihak. Pihak Kementerian dan Dewan Bandaraya terpaksa mengambil alih dan mengambil tindakan memotong bekalan air ke rumah mereka oleh kerana mereka tidak dapat membayarnya dan dengan sebab itu mereka tidak dapat bekalan air. Dalam keadaan inilah saya rasa dapat dipertimbangkan jika sekiranya mereka yang dahulunya berpindah dari kawasan-kawasan setinggan supaya dapat dibanci sama ada mereka

benar-benar mampu ataupun tidak. Jikalau tidak, supaya mereka ini dapat dipindahkan ke rumah-rumah panjang buat sementara waktu sehingga mereka itu mampu dan dapat duduk di rumah pangsa yang akan disediakan.

Soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi juga sama ada disedari ataupun tidak oleh Kementerian Pelajaran iaitu di rumah-rumah pangsa ini banyak anak-anak yang tidak bersekolah. Ada yang tujuh lapan kanak-kanak dari satu keluarga yang tidak bersekolah. Oleh itu saya rasa undang-undang yang ada di Kementerian Pelajaran, tiap-tiap ibu bapa kepada anak-anak mereka mesti dipersekolah, kalau tidak, mereka ini akan didakwa. Tetapi dalam masalah ini apa yang saya dapat tahu tidak dapat dijalankan. Oleh yang demikian, saya harap kepada pihak Kementerian supaya dapat menyelidiki perkara ini.

Di samping itu banyak juga didapati anak-anak mereka ini tidak ada kad pengenalan. Mereka ini tidak ada surat beranak, menunjukkan kelahiran mereka bila. Oleh itu masalah ini adalah sungguh susah untuk diawasi dan sama ada disedari ataupun tidak disedari oleh pihak Kerajaan mengenai perkara ini kita tidak tahu. Ada yang saya jumpa mereka telah berumur 16 dan 17 tahun tetapi sehingga ke hari ini tidak ada kad pengenalan dan di samping itu juga bila ditanya adakah surat beranak, dia berkata tidak ada. Ini tidak tahulah apa sebabnya, kepada ibu bapa yang tidak tanggungjawabkah.

Dalam masalah yang saya sebutkan tadi, di samping itu banyak masalah lain juga timbul. Umpamanya di Kuala Lumpur ini, di flet-flet di kawasan saya yang saya sebutkan tadi, hampir-hampir 45 orang adalah terdiri daripada orang-orang buta yang duduk di kawasan ini. Mereka ini

tidak mampu membayar sewa-sewa rumah, malahan mereka ini juga mendapat tindakan daripada Dewan Bandaraya dan Kementerian Wilayah Persekutuan supaya mereka ini pindah. Sungguhpun ada Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi bantuan \$50 sebulan, tetapi ini tidak mencukupi kerana seperti yang saya terangkan sewanya begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai rumah-rumah pangsa dan orang-orang yang tidak berkemampuan. Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian, sama ada KEMAS atau Jabatan-jabatan yang berkenaan harus mengambil daya usaha agar mereka yang tidak mampu membayar sewa rumah ini diberi pekerjaan, dan juga KEMAS boleh mengadakan kelas-kelas jahitan. Di samping itu juga pihak Kerajaan harus memberikan kerja-kerja kepada mereka ini, umpamanya untuk membuat uniform-uniform murid sekolah, polis dan sebagainya. Serahkan kerja ini kepada mereka supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka dan pihak Kerajaan dapat membeli semula barang-barang itu untuk meringankan beban-beban mereka itu. Di samping itu di flet-flet umpamanya di Kilometer 6 Cheras, ada terdapat 9,000 unit rumah-rumah baru yang didirikan dan telah diduduki hampir-hampir 3-4 tahun yang lalu, tetapi sehingga hari ini sebuah sekolah rendah atau menengah tidak ada di kawasan itu. Ibubapa-ibubapa di situ terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah jauh daripada kawasan tersebut dan tiap-tiap seorang ibu membelanjakan lebih kurang \$20 untuk membayar sewa bas ke sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, bandingkanlah kosnya bagi hampir-hampir 12,000 pelajar, berapakah perbelanjaan satu bulan oleh ibubapa-ibubapa untuk membayar sewa bas

sekolah ini hampir-hampir \$240,000 sebulan dan kalau dihitungkan bagi satu tahun, saya rasa akan berjumlah hampir-hampir \$2 juta ataupun \$3 juta perbelanjaan membiayai sewa bas sekolah sahaja. Apa salahnya pihak Kementerian Pelajaran dapat mendirikan sekolah-sekolah rendah di kawasan-kawasan tersebut pada masa yang akan datang, dan berunding terus dengan Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun Dewan Bandaraya supaya sekolah-sekolah seumpama ini dapat didirikan di kompleks-kompleks ataupun projek-projek yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal hospital dan masalah orang-orang sakit di Kuala Lumpur ini, memanglah bilangan katil di hospital kita tidak mencukupi. Ada yang diletakkan katilnya di tengah-tengah, di lantai-lantai dan seterusnya kerana penuh sesak. Dalam konteks ini kita telah pun tahu iaitu Lady Templer Hospital yang ada di Cheras berada dalam keadaan yang kelam-kabut sekarang ini.

Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengambilalih habis terus hospital ini untuk dijadikan sebagai hospital tambahan yang ada di Kuala Lumpur ini, ataupun pihak Kerajaan mengambilalih untuk jadikan hospital itu sebagai hospital Islam kerana di negara kita ini belum ada hospital-hospital yang seumpama itu supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Islam.

Sekarang ini pembedahan, ataupun post-mortem dan sebagainya yang dilakukan tidak memuaskan hati di kalangan orang-orang Islam, dan jikalau adanya hospital yang seumpama ini rasa saya dapat mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi ataupun Dewan Bandaraya dapat mengambilalih Hospital Lady Templer untuk dijadikan hospital Dewan Bandaraya

bagi mengatasi masalah kekurangan katil-katil di hospital Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Minta seminit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ingat sudah cukup, akhirkan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Kalau sudah cukup, saya minta maaf, dan oleh kerana masa tidak mencukupi, saya dengan sukacitanya bersama-sama menyokong di atas Usul yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Saratok.

3.44 ptg.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya mengucapkan terima kasih atas Titah Ucapan Di-Raja pada hari pembukaan dengan rasminya, Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Ketujuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ahli yang baru, saya suka mengambil kesempatan di sini memberi ucapan terima kasih kepada semua pihak terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya, dan begitu juga dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak kerana membenarkan saya bertanding sebagai calon Barisan Nasional di kawasan Saratok. Kebenaran ini adalah mengikut cadangan yang dikemukakan oleh parti SNAP. Terima kasih khasnya saya beri kepada pengundi-pengundi di Saratok yang mempunyai penduduknya dari tiga suku kaum

iaitu suku kaum Iban, diikuti oleh suku kaum Melayu dan suku kaum Cina.

Bagi kami di Saratok khasnya dan di Sarawak amnya dan saya percaya di seluruh Malaysia, Titah Ucapan Di-Raja memang cukup lengkap dan tepat masanya memandangkan kemelesetan ekonomi di negara kita pada masa sekarang, dan lebih-lebih lagi tentang parti-parti politik yang banyak bilangannya di seluruh negara, di Sarawak pun begitu makin bertambah. Ini tentu sekali memerlukan cukup timbang rasa di antara semua kaum dan lebih-lebih lagi di antara parti-parti politik yang ada sama-sama dalam Barisan Nasional dan tentu sekali tidak kurangnya di antara parti-parti yang memerintah dan parti-parti Pembangkang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sarawak pada masa ini seperti kita maklum telah mencapai kemerdekaan selama 23 tahun yang telah lalu. Sungguhpun pembangunan yang pesat di bandar-bandar yang besar macam Kuching, Sibu, Miri dan lebih-lebih lagi di Bintulu, dan bandar-bandar yang kecil pun nampaknya ada kemajuan di sana-sini, tetapi kedudukannya di luar bandar masih belum memuaskan ataupun sebilangan besar, saya rasa masih seperti 23 tahun yang lalu. Saya ingat pada waktu orang-orang negeri Sarawak berbincang iaitu pada akhir tahun 1961 dan awal tahun 1962—berbincang dengar cadangan dari Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman mengenai penubuhan Malaysia dan sama ada perlu ditubuhkan negara Malaysia merangkumi Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dan Malaya ataupun tidak. Sebelum soalan ini dibincang ataupun sebelum Suruhanjaya Cobbold datang ke Sarawak pada bulan Februari 1962, saya ingat banyak sekali rombongan-rombongan dari parti-parti politik, ketua-ketua masyarakat dan

pertubuhan-pertubuhan yang tertentu melawat Semenanjung di sini dalam masa 6 bulan kebelakangan itu.

Masa itu saya sendiri sebagai Pegawai Daerah di Kapit bersama-sama dengan Pegawai Daerah dari Miri, mengetuai rombongan penghulu-penghulu dari Kapit, Belaga, di Ulu Rajang dan Ulu Baram di hujung bulan Disember 1961. Rombongan kami lebih kurang 30 orang. Kami diberi peluang melawat negeri-negeri di Pantai Barat dari Melaka sampai ke Pulau Pinang dan Kedah. Pada masa itu jalanraya di Sarawak ialah dari Kuching yang telah ada cuma sampai ke Serian dan lebih sedikit menuju ke arah Seri Aman, Bahagian Kedua.

Apabila sampai di sini rombongan kami nampak jalan kenderaan yang sedia ada di sini masa itu difahamkan tentu sekali membawa pembangunan lebih cepat lagi dibina. Apabila Ketua Masyarakat dari Ulu Rajang dan Ulu Baram melihat keadaan jalan kenderaan di sini tentu sekali fikiran mereka begitu juga dapat dibuat di Sarawak sekiranya sama-sama mempunyai satu Kerajaan dengan Malaya pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan yang nyata dilihat oleh rombongan-rombongan yang lain, dengan izin, Malaysian Mission dari Sarawak ke Semenanjung ialah pembangunan luar bandar yang sedang dirancang di Semenanjung dengan begitu cepat memandangkan Malaya pada masa itu cuma mencapai kemerdekaan semenjak dari tahun 1957. Jadi, apa yang dapat kami lihat dan saya faham juga rombongan-rombongan lain, jalanraya di sini, rumah-rumah peneroka, tanaman macam getah dan sebagainya; di samping itu ada klinik perubatan dan rumah-rumah sekolah rendah, jadi rombongan-rombongan itu ada

dibawa melawat ke estet besar-besar di sini. Ini semuanya tentu sekali menarik perhatian iaitu satu daripada sebab yang lain orang-orang luar bandar di Sarawak suka menyertai penubuhan Malaysia.

Dalam Report Suruhanjaya Cobbold pun ada menyebutkan pembangunan luar bandar di Malaya tentu menarik hati orang di Sarawak supaya mahu kemerdekaan melalui penubuhan Malaysia. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan apabila kita mengira 23 tahun sudah mencapai kemerdekaan iaitu jalanraya, dengan izin, the first trunk road system di Sarawak dari Sematan dalam Bahagian Pertama sampai ke Miri dalam Bahagian Keempat sepanjang 989 km cuma kurang lebih satu pertiga sahaja iaitu 344 km yang sudah ditar. Jalanraya besar ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan telah mula dibina, dengan izin, constructed bersama dengan tahun penubuhan Malaysia dalam tahun 1963.

Saya faham jalan ini tidak dapat ditar dalam satu atau dua tahun tetapi saya suka mengambil perhatian Kementerian-kementerian yang berkenaan iaitu sambungan kerja mengetar jalan ini dari simpang jalan Batu Lintang dalam Bahagian Kedua sampai ke sempadan Bahagian Kedua dengan Bahagian Keenam ditar dengan cepat yang dapat. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, di dalam musim hujan bulan Januari dan bulan Februari tahun ini jalan ini tidak boleh dilalui oleh apa-apa kenderaan; ini dengan izin, the first trunk road system. Biasanya dari Kuching apabila saya pulang ke rumah di Saratok mengambil masa lima jam sahaja memakai Trooper tetapi masa itu saya sampai di Saratok dalam masa dua belas jam tetapi itu pun ditarik oleh kereta lipan satu kali, ditarik oleh grader dua kali dan ditolak oleh manusia satu kali. Tuan Yang di-Pertua, jika kita memikirkan jalan

yang bukan trunk road sudah ditar di Semenanjung dan trunk road di Sarawak masih begitu teruk, kadang-kadang kita bertanya bilakah dapat kita ini mencapai integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dan di Semenanjung yang kita niat-niatkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di Sarawak kita menggunakan jalan yang kecil juga, dengan izin, development roads, rural roads dan sebagainya yang sama dibiayai oleh Kerajaan Pusat, oleh kerana sama penting digunakan oleh rakyat keseluruhannya. Tetapi kalau jalan dengan izin, trunk roads yang saya sebutkan tadi musim panas kita menggunakan kereta habis kena debu, kalau tidak ada hawa dingin macam kereta ataupun bas, mata dan rambut penumpang habis putih. Kalau musim hujan tidak dapat digunakan oleh kenderaan yang berat macam bas, kereta bawa minyak dan sebagainya, kalau terjadi timbullah barang-barang yang perlu digunakan sehari-hari ataupun barang-barang perlu lebih-lebih lagi di kawasan Saratok dan Betong tidak dapat sampai ke tempat itu dari Kuching. Jadi, kereta yang datang dari jalan yang kecil yang saya sebutkan tadi juga tidak dapat keluar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan Saratok dan Betong ini ada satu projek besar sudah diluluskan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri iaitu dinamakan, dengan izin, "Kalaka/Saribas Integrated Agricultural Development Project". Peringkat pertama projek ini mengandungi 10,000 hektar dan belanjanya tidak kurang dari \$42 juta. Duit ini datangnya dari pinjaman Bank Pembangunan Asia. Jadi, perjanjian pinjaman itu tadi untuk menanam kelapa sawit telah ditandatangani di Manila belum lama dahulu. Kawasan yang akan ditanam itu ada tiga tempat, dua tempat di pinggir jalan besar yang

saya sebutkan tadi dan satu tempat melalui jalan simpang pergi ke Kabong. Semuanya ini macam pembinaannya pengguna-pengguna yang perlu yang memakai jalan ini dari Kuching, jadi kalau keadaan jalan itu masih tidak berubah, kalau musim hujan tentu sekali pelaksanaannya terganggu sebanyak sedikit. Projek ini mulai dibina dalam bulan Oktober ini dengan penubuhan nursery dan telah mula juga pekerjaan dengan izin, picket survey dimulakan. Oleh sebab itu, saya sebutkan tadi maka perlulah jalan, dengan izin, the first trunk road system di Sarawak patut ditar supaya rakyat Malaysia di Sarawak dapat sebanyak sedikit merasa gembira apabila memikirkan keadaan iaitu di mana pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat di situlah dapat menyenangkan hati rakyat dan bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seminit lagi.

Datuk Peter Tinggam anak Kamarau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua, saya suka mengambil perhatian tentang keadaan luar bandar juga iaitu mengenai rumah guru sekolah di sekolah rendah di luar bandar di Sarawak. Semenjak pelajaran diambil alih oleh Kerajaan Pusat dalam tahun 1973 memang banyak kemajuan di sekolah-sekolah menengah, lebih-lebih lagi yang baharu dibina tetapi di luar bandar macam di ulu-ulu masih banyak lagi rumah-rumah guru yang saya sebutkan itu macam pondok.

Barangkali difahamkan sekolah ini sungguh kecil muridnya, tetapi kalau kecil sangat tentu dia ditutup. Oleh kerana rumah guru-guru ini memakai kayu yang dapat digunakan sampai 15 tahun ataupun lebih ataupun kurang tentulah harga pembinaannya tidak begitu besar. Haraplah Kementerian yang berkenaan memberi perhatian yang lebih daripada yang telah sudah.

Jika banyak lagi rumah-rumah guru di sekolah rendah di luar bandar di Sarawak dibina, tentu Kerajaan Pusat disanjung tinggi oleh rakyat luar bandar di Sarawak dan tidak sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bachok.

4.02 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan menyampaikan sepatah dua ucapan untuk menyokong Usul menyatakan junjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 haribulan yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Titah Ucapan itu pada zahirnya ringkas tetapi hakikatnya Titah berkenaan adalah sangat padat dan meliputi hampir-hampir kesemua persoalan yang dihadapi oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, amalan demokrasi memanglah telah sebatu dengan rakyat, kita telah mula belajar kenal dengan demokrasi sebelum kita merdeka lagi. Kemudian bila kita sudah merdeka pada 31hb Ogos, 1957 kita pun disuakanlah dengan amalan demokrasi melalui pilihanraya sepenuhnya. Amalan yang seperti itu kita lalui tiap-tiap kali dalam tempoh masa tidak lebih daripada 5 tahun dan sampai sekarang pun kita telah lalui 7 kali. Saya kira kita telah begitu kenal dan matang dengan pilihanraya di mana sejak kali yang pertama dalam tahun 1959 hingga kali yang ke tujuh 1986 kita telah menempuh banyak perubahan dari jumlah pengundi yang sedikit kepada jumlah pengundi yang bertambah banyak dari tahun ke tahun.

Berkenaan dengan kawasan pilihanraya, negara kita telah 2 kali mengubah dan menambah bilangannya. Demikian jua mengenai undang-undang dan peraturannya, telah diperkemas dan ditambah bagi kelicinan dan kesempurnaan perjalanan pilihanraya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang ingatan saya belum ada lagi mana-mana parti politik yang wujud tidak pernah menyertai pilihanraya itu sekali pun ada parti yang mungkin tidak pernah menang. Memanglah dalam sebarang pertandingan tentulah ada menang dan ada kalah, lebih-lebih lagi pilihanraya tidak ada yang seri, yang ada ialah kalah atau menang, termasuk menang tanpa bertanding.

Saya percaya alternatif yang diambil oleh negara kita dalam pembentukan negara demokrasi melalui pilihanraya ini adalah langkah yang telah pun diterima oleh semua pihak pada masa ianya mula-mula diperkenalkan dahulu lagi, sekalipun masih ada ruang-ruang yang boleh dipersoalkan terutamanya bentuk dan kaedah pilihanraya sama ada mengikut kaedah sistem ala-British ataupun sistem yang mungkin dapat dibentuk bagi disesuaikan dengan situasi dan kondisi negara setempat. Namun dengan sistem yang berjalan selama 29 tahun merdeka, pada prinsipnya telah diikuti dengan penuh minat oleh parti-parti politik termasuk rakyat jelata seluruhnya. Maka amatlah tidak patut dan amat tidak menasabah sekiranya tuduhan-tuduhan tentang tidak cekap, rasuah, penipuan yang kononnya dilakukan dalam pilihanraya sebagai alasan untuk mengatakan bahawa pilihanraya seperti yang diamalkan sekarang buruk dan keji.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, iaitu wakil tunggal PAS dalam Dewan

yang mulia ini telah pun memberi ucapan sulungnya pada hari Khamis yang lepas. Sepanjang ucapannya itu kita masih tidak temui saranan-saranan yang bermakna untuk dapat dinilai dengan menasabah. Dalam mukaddimahnyanya barangkali kerana inilah ucapan sulungnya maka terdapat kejanggalan yang amat ketara disebabkan sebahagian besar daripada kecamannya seolah-olah ditujukan kepada Raja yang memberikan Ucapan Titah itu sendiri, seolah-olah Ahli Yang Berhormat itu lupa langsung kepada sistem pilihanraya dan sistem Raja Berpelembagaan ataupun sistem Parliamentary Democracy Beraja. Oleh kerana Yang Berhormat itu adalah hanya satu-satunya wakil daripada parti PAS sekarang, maka bolehlah kita anggap bahawa apa yang disampaikan itu adalah merupakan suara partinya lebih daripada suara dirinya sendiri. Maka bertolak daripada titik itu amatlah dikesali sungguh-sungguh terhadap ucapan tersebut sama ada apa yang disampaikan mahu pun yang tersirat. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah menerapkan nilai-nilai Islam membayangkan sambutannya begitu negatif sekali semacam wujudnya "Suuzh-zhan" atau jahat sangka pada hal sikap yang sedemikian sangat-sangat ditegah oleh Islam yang membayangkan betapa cara itu seperti sifat yang tidak Islamic yang cuba dibalut dengan semangat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perkara yang pokok dalam ucapan itu ialah tentang demokrasi. Ia mencela demokrasi habis-habisan sebagai konsep kuno berasal dari Yunani Purba yang lebih banyak bersalut kepada keburukan amalan rasuah, salah guna kuasa, pilih kasih, pengkhianatan, penyelewengan pentadbiran dan kefahaman ugama, kemiskinan, penipuan serta perhambaan kapitalis kepada rakyat

miskin yang tentunya sudah mengalami banyak perubahan demi perubahan tentang bentuk dan kaedah. Sudah tentu menjadi suatu kesilapan jika hendak disamakan konsep sekarang dengan konsep dahulu seperti silap dan salahnya jika hendak disamakan ibadat haji sebelum Islam yang dilakukan oleh kaum-kaum Arab Jahiliyah dahulu, dengan ibadat haji yang dilakukan mengikut perintah Allah melalui RasulNya Muhammad s.a.w. sekalipun haji juga namanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu cuba juga mengulas tentang slogan demokrasi Yunani Purba "Suara Rakyat adalah Suara Tuhan" atau "Vox Populi, Vox De" yang jarang benar digunakan di dalam zaman demokrasi sekarang walaupun ada ahli-ahli falsafah mentafsirkannya berbagai-bagai dari sudut buruk dan baiknya, seperti juga para pentafsir mentafsirkan dari berbagai-bagai sudut terhadap maksud firman Allah yang berbunyi: *Yadullahu fauqa aidi him.*

Tuan Yang di-Pertua, beliau, atau lebih tepat kalau kita katakan parti PAS sekarang menganggap bahawa demokrasi tidak dapat diselaraskan dengan Islam dan tidak pernah berlaku demikian. Tentulah daif sangat hujjah seperti ini seolah-olah barang yang tidak pernah berlaku tidak mungkin berlaku. Kesimpulan ini telah diambil bahawa mengikut rujukannya demokrasi hanya berlaku di Barat dan di negara-negara Komunis. Ianya telah menerangkan banyak perbezaan tentang dua jenis demokrasi ini, iaitu demokrasi Barat dan demokrasi Timur. Nampaknya dia yakin yang bernama demokrasi itu boleh dipelbagaikan. Sama ada kita bersetuju atau tidak, adalah soal lain maka kalau dia yakin bahawa kedua-dua jenis yang bernama demokrasi itu wujud iaitu demokrasi liberal dan demokrasi sosialis atau komunis maka tidakkah masih ada ruang untuk Islam

dapat dilaksanakan melalui proses demokrasi ini, yakni demokrasi dengan maksud pemerintahan oleh rakyat atau dengan makna pemerintahan melalui pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya, Ahli Yang Berhormat itu tidak menerangkan kepada kita proses politik yang bagaimana yang sesuai dengan kehendak Islam atau yang menurut kehendak Islam ataupun melalui satu cara baru, satu proses politik mengikut cara revolusi Islam, kononnya, seperti cara revolusi Iran ataupun cara Syiah. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bolehlah untuk mengetahui perkara ini, kita rujuklah kepada sekurang-kurangnya sebuah buku yang dikarang oleh Sahibul Fadhilat Sayyid Muhibbuddin Al-Khatib (Al-Marhum) seorang ulama Islam yang terkenal. Buku itu bernama Al-khutut ul'aridah Lil-asasi Al-Lati Qa ma'alaiha Dinu-Syiah, Al-Imamah, Ithna Asyariah. Buku itu sebenarnya telah dialihbahasakan dengan nama Asas Mazhab Imam Dua Belas (Imamah) di mana penjelasan panjang lebar telah dihuraikan.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi yang mengikut kaedah pilihanraya itu bukanlah satu akidah. Ianya tidak lebih dari satu kaedah. Ianya boleh digunakan untuk konsep apa sekali pun. Ini bergantunglah kepada siapa yang menguasai demokrasi itu sendiri. Kalau ianya boleh menjadi liberalisma, atau sosialisma, maka tiada sebab mengapa ianya tidak boleh di-Islamkan. Kalau ianya dapat diserapkan kepada konsep komunis yang terang-terang dalam prinsipnya bertentangan dengan prinsip barat yang liberalisma maka kenapa ianya tidak boleh diserap dan disatukan dengan nilai-nilai Islam dan konsep Islam itu sendiri. Ini tentulah bergantung kepada yang pertama, "niat" dan kedua "usaha atau amal" yang bersungguh-sungguh dengan satu ketentuan bahawa dalam menuju dan

mencapai cita-cita suci itu, kita harus berpandukan kepada cara kaedah seperti yang diajar oleh kaedah agama iaitu, "Barang yang tidak boleh didapati atau diperolehi semuanya maka janganlah buang atau ketepikan semuanya" Ma la yudraku kulluh la yutraku kulluh.

Kaedah usul-fiqh ini, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah dipakai dan dipegang oleh umat Islam negeri ini dalam semua hal dan semua perkara, termasuklah perkara politik atau lebih tegas perjuangan politik. Jika kita gelojoh dan tamak atau jika kita terlalu ikut perasaan ataupun sentimen sehingga kita menjadi orang yang lupa diri dan hilang pertimbangan, maka cita-cita untuk melihat penerapan nilai-nilai Islam ke arah wujudnya masyarakat dan negara yang diredhai oleh Allah subhanahu wa taala, akan hancur lebur sebelum hanya beberapa langkah kita bertolak dari "starting point". Dan dengan demikian, hancurlah harapan umat, dan berkecailah kita di jalanraya politik yang penuh dengan pancaroba dan ini adalah merupakan kerugian yang amat besar kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa akhir ini suasana politik kita agak riuh sedikit oleh kerana timbulnya rungutan, teguran, kritikan malah kadang-kadang berupa serangan dan sanggahan terhadap Dasar Ekonomi Baru, untuk seketika dunia politik kita menjadi gawat sedikit hingga ada yang tidak sahaja mempersoalkan politik pelaksanaannya, malahan sampai kepada pokok Dasar Ekonomi Baru itu sendiri. Mujurlah berkat ketabahan pemimpin negara, persoalan ini dapat dineutralisasikan. Walau bagaimanapun, saya masih menaruh kebimbangan bahawa golongan yang tidak senang dengan DEB ini akan meletus lagi dan mungkin keadaan sekarang menjadi seperti penyakit yang disembunyikan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah Dasar Ekonomi Baru itu telah dibentuk selepas berlakunya peristiwa hitam 13 Mei, 1969 dan kita pun masih ingat bahawa hasil daripada keputusan bersama anggota Majlis Perundangan Negara yang terdiri daripada berbagai kaum itu lahirlah akhirnya Dasar Ekonomi Baru, iaitu suatu dasar yang dilahirkan dari suatu renungan yang jauh. Memandangkan penduduk negara kita yang terdiri dari berbagai-bagai kaum, suatu bentuk rasial yang sangat unik yang selama ini kita hanya baru berjaya mewujudkan suatu bentuk asimilasi politik, tetapi sampai sekarang hakikat asimilasi yang sebenarnya masih lagi jauh, terutama sekali di bidang ekonomi. Asimilasi manusia dalam bentuk politik boleh dibuat tanpa memperhitungkan miskin atau kaya, kuli atau saudagar, tetapi hakikat asimilasi itu tidaklah akan wujud semata-mata berlindung di bawah khemah perpaduan kaum sahaja. Dasar Bahasa Kebangsaan misalnya masih baharu di starting point jika ianya dipandang dari sudut penggunaan rakyat, pendewaan kepada bahasa ibunda yang berjalan tanpa sebarang masalah. Kesulitan menurut di dalam Bahasa Kebangsaan sekalipun cara yang sederhana masih berleluasa ataupun bermaharajalela, malahan dalam sesetengah keadaan yang tertentu penggunaan bahasa Inggeris lebih mendapat keutamaan dalam perhubungan sekalipun di antara sesama warganegara.

Demikian pula jika kita terus memandang di bidang ekonomi, maka nyatalah Dasar Ekonomi Baru dibuat dengan begitu teliti untuk membantu sebahagian besar dari usaha asimilasi itu sendiri dan jika dikaji pula pada keseluruhannya terasa benar kepada kita bahawa soal ekonomi ini merupakan soal yang terpenting di samping soal-soal yang telah disentuh tadi. Kebimbangan dan ketakutan golongan bukan bumiputera terhadap pelaksanaan Dasar ekonomi Baru

lebih banyak kebimbangan terhadap kemungkinan tercabarnya kedudukan kaum-kaum kapitalis mereka di bidang ekonomi lebih daripada kebimbangan yang sebenar terhadap objektif Dasar Ekonomi Baru itu sendiri, malahan kononnya cabaran terhadap kedudukan kaum kapitalis mereka itupun tidak lebih daripada hanya kebimbangan yang banyak diselaputi oleh sangkaan dan angan-angan semata-mata dan pada hakikatnya ianya banyak diselaputi oleh kepentingan politik kepartian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada satu minit lagi, sila gulung.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Ya, seminit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita memerhati kepada laporan terakhir nyatalah bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru masih jauh lagi daripada targetnya yang memerlukan waktu yang lebih selesa untuk pelaksanaannya dalam suasana juga yang lebih selesa. Oleh yang demikian, saya kira pihak Kerajaan akan dapat memanjangkan lagi tempoh pelaksanaannya apabila ianya tamat kelak, sekalipun dalam bentuk dan namanya yang lain, tetapi matlamat dan objektifnya tidak akan lari dari itu walaupun terpaksa melalui bentuk perkembangan ekonomi yang bagaimana sekalipun. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Papar.

4.16 *ptg.*

Tuan Osu bin Haji Sukam (Papar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul Titah Ucapan Di-Raja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh syukur ke Hadrat Ilahi yang

melimpahkan izin dan kurniaNya menempatkan saya di Dewan yang indah ini buat pertama kalinya. Oleh itu, kehadiran saya sebagai Wakil Rakyat di Sabah izinkan saya menjanjikan ketaatan dan kesetiaan kami kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong kepada Malaysia yang kami cintai sebagai pertwi yang menyusuli cita-cita kita bersama. Kepada pemimpin-pemimpin dan rakyat jelata yang sama-sama mahu menciptakan negara yang makmur, bersatupadu, adil dan maju di bawah lindungan Allah yang maha pengasih dan penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa menyusun dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bukanlah hal yang mudah, terutama agar dapat mencapai kesepakatan nasional. Namun, sudah jauh tertanam dan menjelma cita-cita dan keazaman kami memmanifestkan keadilan dan kemakmuran sebagaimana terkandung sebagai alas dan paksi Dasar Ekonomi Baru 16 tahun yang lalu. Tak mungkin rakyat Sabah membelakangkan matlamat-matlamatnya, mempersoalkan dasar-dasar pelaksanaannya. Tak mungkin kami bersikap "bunga-bunga disunting, perdu ditendang".

Tuan Yang di-Pertua, alangkah berbahagianya rakyat jelata mendapat jaminan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Kerajaan akan terus melaksanakan dasar-dasar yang menguntungkan dan memanfaatkan rakyat serta negara meskipun sudah sewajarnya dasar-dasar ini harus diubahsuai mengikut perkembangan-perkembangan yang baru dan mencabar. Kami di Sabah berterima kasih dengan jaminan ini dan kami yakin bahawa Kerajaan tidak mungkin mengabaikan kepentingan rakyat dan melalaikan keadilan serta keselamatan

yang mahu dirosakkan oleh anasir-anasir luar yang mempunyai kunci-kuncunya di dalam negeri ini. Kami menyedari bahawa kestabilan nasional bukan merupakan harapan-harapan kosong, terluah dari bibir yang kasar, tetapi harapan yang murni demi memiliki masa depan yang baik dan menikmati hidup dan keadaan kehidupan sesuai dengan martabat bangsa yang merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjalanan pembangunan sosial politik, sejarah pecahannya perpaduan yang mengalirkan titis-titis darah sesama, tidak mungkin dapat hilang dari ingatan kita, malah perlu menjadi peringatan. Dewasa ini kita menyaksikan pertumbuhan sikap dan tindakan yang mungkin menjadi barah—akan memakan daging-daging perpaduan dan kestabilan nasional secara langsung mahupun perlahan-lahan meracuni rakyat sampai ke som-som di dalam tulang. Realiti yang jelas di hadapan kita ialah keangkuhan akhbar Asian Wall Street Journal dan Herald Tribune. Lepas satu, satu lagi fitnah dilemparkan ke muka kita dengan sengaja mencari celah untuk mencaci Malaysia yang kita cintai sepenuh jiwa raga.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini akhbar kepunyaan Dow Jones & Co. ini mentohmahkan pemimpin kita sebagai pemimpin yang mahu membawa Melayu ke haluan sosialis, sebagai seorang yang telah membohongi rakyat dan disebutnya lagi bahawa seorang pemimpin telah menggunakan kekuasaannya untuk kepentingan diri. Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan Dasar Ekonomi Baru, ini perlulah diperhatikan kerana dasar ini terus dipersoalkan dan dijadikan isu politik bersifat perkauman oleh golongan-golongan tertentu yang sengaja enggan menerima hakikat pelaksanaan dasar ini. Dasar ini yang sudah melahirkan bunga-bunga yang

juga ternyata mereka telah menyunting, sekarang mereka tendang sebagai dasar yang sengaja membawa kerugian dan kemelesetan seolah-olah kita sahaja yang berhadapan dengan cabaran zaman yang memeritkan ke perihalan ekonomi sebulatan dunia.

Betapa angkuh mereka ini, Tuan Yang di-Pertua. Anihnya, golongan-golongan yang mempertikaikan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini adalah terdiri dari mereka yang arif tentang dasar-dasar Kerajaan. Malah golongan ini secara bulat suara telah bersetuju di atas pelaksanaan dasar ini sejak dasar ini mula-mula ditubuhkan dalam tahun 1971. Mereka sedar tujuan Kerajaan adalah untuk perpaduan kaum dan keamanan serta kesejahteraan segenap lapisan masyarakat tanpa membeza bangsa, warna kulit dan asal keturunan. Jadi, jelas tidak berasas sama sekali tohmahan mereka bahawa dasar ini dan Kerajaan sebagai kuasa-kuasa yang "mendiskriminasi". Ini tidak boleh kita membiarkan berlangsung terus, akibatnya boleh menjurus ke jurang sentimen peribadi, apa lagi keutuhan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, keobjektifan Dasar Ekonomi Baru telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dihubungkan dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis supaya Dasar Ekonomi Baru ini harus dimansuhkan sekiranya dasar ini hanya memelihara, melindungi dan mengembangkan dominasi politik orang Melayu. Ternyata pihak DAP dan mereka sealiran dengannya tak ubah seperti anjing tersepit, sesudah dilepaskan kembali menerkam orang yang menolongnya. Soalnya keobjektifan penubuhan Dasar Ekonomi Baru ini sudah pun mereka ketahui dan kecapi hasilnya, malah penubuhan dasar ini telah terang-benderang berasaskan kepada

keinsafan perlunya diwujudkan negara yang makmur, adil dan bersatupadu dengan teras dan asas-asas yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, bukalah mata lebar-lebar, tenungilah hari depan yang samar-samar. Konsepsi Dasar Ekonomi Baru bukanlah sekadar memiliki peribadi segelintir elit-elit politik sebagaimana yang didakwakan, tetapi perhatian khusus Dasar Ekonomi Baru ditumpukan terhadap masalah kemiskinan dan jurang perbezaan kedudukan ekonomi yang wujud di kalangan berbagai kaum di tanahair yang kita cintai ini. Apa salahnya jika Kerajaan memberi keutamaan kepada kaum Bumiputera dalam penglibatan di bidang perdagangan dan perindustrian. Situasi ini atas kesedaran bahawa penglibatan Bumiputera di sektor ini terlalu rendah jika dibandingkan dengan kaum bukan Bumiputera. Seharusnya golongan yang menentang keobjektifan Dasar Ekonomi Baru ini berupa musuh dalam selimut yang harus dimansuhkan, bukannya Dasar Ekonomi Baru (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berusaha agar kita semua memiliki disiplin nasional yang tinggi, saling hormat-menghormati dan berusaha melaksanakan apa yang telah kita putuskan bersama sebaik-baiknya, kerana secara constitutional, dengan izin, kita memang terikat dan wajib melaksanakan setiap keputusan yang diambil oleh rakyat sendiri yang merupakan arah dan kompas perjuangan dalam jangka panjang. Jadi, kenapa ada setengah pihak di Dewan yang mulia ini menciptakan suasana keruh bersifat personal, mengambil kesempatan dalam kesempatan ini, yakni kemelesetan ekonomi dunia yang juga terasa di bumi kecintaan kita, menciptakan keberanian mereka untuk berangkuh dan mencabar kehormatan pemimpin, keutuhan dasar-dasar dan

keharmonian negara yang dicintai ini. Dalam lingkungan peristiwa tersirat apakah bermula cabaran dan keazaman mereka itu? Seharusnya pengalaman tahun 1969 sudah cukup mengajar kita bahawa membesarkan isu-isu yang seharusnya diselesaikan secara kekeluargaan tanpa menyinggung mana-mana kaum.

Tuan Yang di-Pertua, demikian jugalah soal-soal kekuasaan mutlak memecat dan membuang kerja sewenang-wenangnya tidak pernah terjadi di tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, alangkah mengejutnya umat Islam seluruh Malaysia umumnya dan amnya umat Islam di Sabah bila mana sebuah parti baru berjaya menempahkuasa di Sabah dan mengibarkan bendera yang realitinya tersiratnya hanya menjaga kepentingan setengah umat semata dan suku bangsa tertentu sahaja. Golongan ini hanya mengakui agama Islam sebagai agama rasmi negara ini tetapi kepentingan umat Islam dan bangsa besar Melayu hanya menjadi ulat dalam makanan yang busuk yang menjijikkan. Anihnya peristiwa pemecatan dan tujuan palsu yang tersirat manis di bibir, rencong di dalam itu menjadi semboyan yang mengganjilkan sikap-sikap golongan tertentu di Malaysia dan malah disambut sayang oleh akhbar-akhbar khususnya di Sabah dan amnya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, siapa sebenarnya yang pernah mengamalkan sikap diskriminasi dan campurtangan dalam hal ehwal agama dan budaya kaum-kaum di Malaysia. Apa pernah Kerajaan-kerajaan Melayu dan Kerajaan Pusat menunjukkan kuasanya mencampurtangan membuang pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis-majlis Agama tertentu? Apa pernah mana-mana Kerajaan dalam negeri di Malaysia mencampuri rumahtangga Majlis

Methodist atau Majlis Katholik atau Majlis Hindu atau Majlis Agama Budha? Nampaknya ada orang yang sengaja membangunkan harimau tidur di waktu siang mencabar umat Islam dan Melayu di tanahair tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, mempolitikkan agama dan polarisasi kaum serta campurtangan baik secara langsung mahupun tersirat tidak akan mampu menutup bangkai gajah yang terlantar, malah boleh membahayakan perpaduan rakyat dan agama di tanahair seperti yang sangat ditakuti itu. Sesungguhnya sedang berlaku di Sabah dan mangsanya tidak lain daripada Majlis Agama Islam Sabah. Dengan tidak ada angin dan tidak beribut tiba-tiba pegawai-pegawai MUIS disingkirkan bukan setakat Presidennya dan enam ahli Jawatankuasanya tetapi lebih seratus pegawai pendakwa luar juga turut terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Penyingkiran mereka ini barangkali kerana dosa mereka mempertahankan keutuhan dan kesucian Islam itu sendiri atau apakah ada niat-niat tersembunyi atau muslihat jahat tertentu sehingga Kerajaan Negeri Sabah sanggup bertindak secara sewenang-wenangnya membuang pegawai-pegawai MUIS itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin menyentuh tentang ucapan Yang Berhormat dari Keningau dalam membahas ucapan demokrasi dan kedaulatan undang-undang begitu berapi-api, tetapi jangan cuba bermain api, nanti membakar diri sendiri.

Ucapan Yang Berhormat itu bukanlah menuju ke kestabilan

demokrasi sebaliknya menggalakkan tindakan yang boleh menggugat demokrasi itu sendiri. Hal ini terbukti atas campurtangan beliau terhadap hal ehwal agama Islam yang kononnya ingin membebaskan MUIS daripada unsur politik, sebaliknya beliau secara tidak demokratik telah membuang pegawai-pegawai MUIS dan melantik ahli-ahli partinya sendiri untuk mentadbir perjalanan MUIS.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Keningau itu cuba berselindung di sebalik sehelai lalang, menuduh ada orang menggunakan bomoh sehingga wabak penyakit terus bermaharajalela. Kononnya ada golongan yang cuba menyebarkan dakwah subversif dalam badan Kerajaan dengan memperbesar-besarkan isu-isu tertentu, sehingga mengakibatkan 4 kerusi Barisan Nasional jatuh ke tangan Pembangkang. Seharusnya Ahli Yang Berhormat harus berani mengakui realiti yang wujud. Kenapa 4 kawasan sahaja dipersoalkan, bukan 6 kawasan termasuk Labuan. Apakah kerana 4 kawasan itu milik PBS dan 2 kawasan lagi milik USNO dan UMNO? Masalah 2 kawasan yang tidak disebut kita harus objektif dalam menganalisa. Kita tahu dan yakin bahawa ada unsur-unsur parti Barisan yang menyokong secara aktif parti Pembangkang tetapi secara berselindung sehingga 2 kawasan yang selama ini dikuasai oleh Barisan Nasional harus menerima kekalahan dan kita kenal petualang-petualang tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

4.31 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Usul Ucapan Terima Kasih kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada 7-10-1986 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8hb Oktober yang lepas kita Ahli-ahli Dewan telah mendengar beberapa ucapan penting yang disampaikan oleh pembawa Usul mengucapkan Terima Kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga ucapan yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang juga Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini.

Pada awal ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu, saya tertarik hati dengan hujah-hujah yang disampaikan oleh beliau tetapi tidak lama dari itu saya membuat kesimpulan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hanya lebih mementingkan kepentingan diri dan parti beliau daripada kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah banyak bercakap tentang demokrasi seolah-olah beliau ini hendak menjadi jaguh demokrasi di negara kita. Saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu agar benar-benar ikhlas menggunakan demokrasi yang diamalkan di negara kita ini demi kepentingan rakyat dan negara dan bukan kepentingan diri sendiri dan

segelintir manusia yang diperjuangkan oleh ahli dan parti Yang Berhormat itu.

Saya masih teringat kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad—“Jangan sekali-kali kita menggunakan demokrasi untuk menghancurkan demokrasi.” Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “democracy used to be wonderful but now it has got into the wrong hands”.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Di Raja, Baginda telah banyak menekankan tentang masalah ekonomi negara yang agak lembab. Oleh itu saya percaya keseluruhan kita Ahli-ahli Dewan yang cintakan negara mempunyai peranan yang positif untuk membantu memulihkan semula kedudukan ekonomi yang lembab ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah mengumumkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meyakinkan lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing untuk melabur di dalam negara kita. Saya penuh yakin dengan kemasukan pelaburan-pelaburan tersebut ke negara kita, maka sudah barang tentu sedikit sebanyak permasalahan dapat diatasi terutama dari segi pengangguran kaum belia yang sedang menganggur sekarang. Jika sekiranya pengangguran di negara kita ini tidak dapat dibendung atau dikurangkan, ianya akan menimbulkan lebih banyak lagi penyakit masyarakat khususnya di kalangan kaum belia seperti penyalahgunaan dadah, jenayah, penyerapan budaya kuning yang berleluasa seperti tarian rock dan lain-lain lagi. Saya amat berdukacita kerana penyakit ini telah pun menular ke institusi-institusi pelajaran tinggi yang mana akhirnya akan membawa kehancuran kepada negara. Di dalam hal ini saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di atas ketegasan beliau terhadap isu penyalahgunaan dadah di ITM Arau.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kerajaan mengambil langkah untuk menarik lebih banyak pelaburan asing masuk ke negara kita, saya juga sangat berharap Kerajaan dapat berusaha menggalakkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan tempatan untuk melabur dan memperkembangkan perniagaan mereka di dalam negeri ini. Kerajaan juga mestilah mencari jalan segera untuk membantu mengatasi kerumitan dan kesulitan yang dihadapi oleh usahawan-usahawan tempatan dalam masa kemelesetan ekonomi negara hari ini. Kerajaan mestilah menggalakkan penggunaan bahan-bahan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan. Jika perlu Kerajaan hendaklah memberhentikan pengimportan bahan-bahan dari luar, jika sekiranya bahan-bahan tersebut boleh didapati dari negara kita sendiri. Sebagai contoh, saya ingin bertanya mengapakah Kerajaan masih membenarkan pengimportan batu marmar dari Italy dan sebagainya sedangkan kilang marmar di Langkawi dan kilang marmar yang lain di negara ini masih menghadapi kesulitan? Mengapakah Kerajaan masih membenarkan pengimportan besi keluli, dengan izin, steel bar, sedangkan kilang Malayawata dan kilang-kilang besi yang lain mengalami kesulitan? Mengapakah Kerajaan masih membenarkan pengimportan kain-kain tekstil di negara ini sedangkan kilang-kilang tekstil di negara kita terpaksa ditutup dan terpaksa juga memberhentikan sebahagian besar pekerja-pekerjanya? Mungkin alasan-alasan yang diberi ialah kilang-kilang tempatan tidak boleh mengeluarkan bahan-bahan tersebut dengan mencukupi serta bermutu tinggi. Jika ini alasannya, amatlah mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin sekiranya Kerajaan memberi galakan istimewa seperti mengurangkan import duti ke atas

jentera-jentera yang baru, memberi kemudahan pinjaman dengan faedah yang lebih rendah dan mengurangkan cukai dan sebagainya, maka kilang-kilang yang ada di dalam negara ini bukan sahaja dapat mengeluarkan bahan-bahan yang bermutu tinggi untuk kegunaan negara kita bahkan kita akan dapat mengeksport bahan-bahan tersebut di mana ianya akan dapat mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan yang mana juga akan mengurangkan masalah pengangguran serta dapat mempertingkatkan kemasukan wang luar ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah difahamkan bahawa negara mengimport bahan-bahan makanan seperti cili, bawang, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain dengan jumlah pengaliran wang yang begitu besar. Mengapakah perkara ini bleh berlaku sedangkan negara kita mempunyai tanah subur yang begitu luas dan sepatutnyalah Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan-kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada industri pertanian ini.

Rombongan pelaburan yang diusahakan oleh Kerajaan haruslah dipertingkatkan dari semasa ke semasa kerana saya percaya dengan cara begini bukan sahaja kita dapat meyakinkan lebih ramai pelabur-pelabur asing melabur ke negara kita bahkan juga kita dapat mempertingkatkan pasaran keluaran tempatan. Di dalam hal ini Kerajaan seharusnya menyelaraskan rombongan perdagangan ke luar negeri pada masa-masa akan datang. Kerajaan-kerajaan Negeri tidak payah lagi membelanjakan wang yang begitu banyak kononnya hendak menarik pelabur-pelabur asing ke negeri masing-masing. Selain daripada itu Kerajaan harus juga memastikan bahawa Pegawai-pegawai Perdagangan, dengan izin, Trade Officers, yang bertugas di luar negeri

dapat mempertingkatkan daya-usaha mereka yang lebih produktif untuk membantu usaha-usaha Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kemelesetan ekonomi negara, saya juga berharap agar institusi-institusi kewangan dapat benar-benar memainkan peranan yang lebih bermakna untuk bukan sahaja membantu kilang-kilang perindustrian yang besar bahkan juga membantu industri-industri kecil, dengan izin, cottage industries ataupun backyard industries di luar bandar.

Di dalam hal ini Kerajaan juga mestilah mewujudkan sistem pemasaran yang lebih kemas dan teratur di mana pengeluaran barang-barang cottage industries ini, dengan izin, bukan sahaja dapat dipasarkan di dalam negara kita bahkan boleh juga diedarkan ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan adalah merupakan salah satu sumber pendapatan negara yang tidak kurang penting peranannya. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan yang telah berjaya menganjurkan Persidangan PATA baru-baru ini yang mana persiapan-persiapannya telah mendapat kepujian tinggi dari seluruh anggota PATA. Saya juga mengucapkan syabas kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan yang merancang untuk menganjurkan seminar di mana penulis-penulis pelancongan, dengan izin, tourist writers dari seluruh dunia akan dijemput menghadiri seminar yang akan diadakan nanti. Saya percaya dengan adanya seminar itu, maka lebih ramai lagi pelancong-pelancong akan datang ke negara kita.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang

mulia ini agar Kerajaan dapat mengadakan satu pesta kebudayaan antarabangsa, dengan izin, international cultural festival secara besar-besaran setiap dua atau tiga tahun sekali di mana kesemua negara dijemput mempersembahkan kebudayaan negara mereka di samping dapat kita memperkenalkan kebudayaan negara kita kepada dunia. Melalui international cultural festival ini juga dapat kita mengenalkan permainan traditional negara kita di samping kita mengenali permainan traditional negara asing.

Saya penuh yakin jika sekiranya cadangan ini diterima, maka dengan tersendirinya kita akan beroleh kejayaan yang lebih dan kemasukan wang luar ke negara kita akan bertambah dengan pesatnyanya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita cuba mencari jalan untuk mengatasi kemelesetan ekonomi negara, saya juga amat bersetuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya Kerajaan-kerajaan Negeri lebih berwaspada dan berjimat cermat di dalam melaksanakan projek-projek yang dirancangan agar pembaziran tidak berlaku. Sebagai contoh terdapat Kerajaan Negeri yang telah dan akan memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk projek pelancongan sedangkan pelancong datang ke negeri ini lebih berminat melihat keadaan alam semula jadi yang sedia ada di negara kita ini. Pelancong-pelancong luar negeri lebih berminat melihat bangunan-bangunan asal daripada melihat replica, dengan izin, yang baru didirikan. Justu itu, saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri janganlah hanya menitikberatkan projek-projek pelancongan di persekitaran bandar sahaja, sedangkan pelancong-pelancong lebih berminat untuk melihat keadaan hidup semula jadi di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sebutkan sebelum saya mengakhiri ucapan saya ialah masalah polarisasi kaum yang wujud di dalam negara kita sekarang. Untuk melahirkan sebuah negara yang teguh dan harmoni bagi semua kaum, saya berharap agar semua pihak terutama pemimpin-pemimpin Pembangkang yang diketuai oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, janganlah menyemarakkan api perkaumannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada satu minit sahaja lagi. Sila ringkaskan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Masa depan generasi kita bukanlah bergantung kepada apa yang kita lafazkan tetapi yang penting ialah kepada apa yang kita lakukan. Oleh itu marilah kita membangunkan negara kita bersama. Marilah kita tunjukkan kepada dunia bahawa kita adalah satu bangsa negara yang bersatu padu. Marilah kita menanamkan semangat kecintaan dan bukan kebencian kepada anak-anak kita. Marilah kita gunakan fikiran, bukan perasaan. Marilah kita berkawan bukan berlawan. Akhir kata:

Tanah pusaka bertuah

Berbagai bangsa di dalamnya

Hidup damai bersama

Bersatu kerja untuk Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang.

4.45 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini bercakap bagi pihak ahli-ahli dan penyimpan-penyimpan wang dalam koperasi-koperasi yang saya percaya

sedang dalam keadaan resah gelisah menunggu keputusan tentang wang simpanan mereka dalam beberapa buah koperasi yang terlibat dalam pembekuan baru-baru ini. Dari sehari ke sehari penderitaan itu amat dirasakan dan mereka perlu mengeluarkan wang simpanan mereka untuk keperluan pelajaran, perkahwinan, kematian dan lain-lain keperluan harian yang amat mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa mereka memang boleh dikatakan, dengan izin, gullible atau kurang bijak menyimpan wang mereka dalam koperasi-koperasi itu. Tetapi bolehkah Kerajaan mengelakkan diri dari tuduhan itu? Kebanyakan dari mereka yang menjalankan koperasi-koperasi ini adalah orang-orang besar yang ada hubungannya dengan Kerajaan. Cawangan-cawangan mereka dirasmikan pembukaannya oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan sebagainya. Mereka memaparkan lesen-lesen mereka di tempat-tempat yang luas terbentang dan menarik perhatian ramai. Mereka menggunakan orang-orang tempatan yang disegani dan dihormati menjadi pengurus cawangan, orang yang ada kedudukan dalam politik yang mendapat kurniaan bintang-bintang dari Raja-raja dan sebagainya. Mereka mengiklankan koperasinya dalam akhbar-akhbar harian terkemuka dengan menawarkan faedah yang tinggi.

Memang benar penyimpan-penyimpan terpengaruh atau tamak dengan tawaran faedah yang agak tinggi itu. Tetapi dalam hal ini siapa yang tidak tertarik dengan wang, stretch the dollar, dengan izin, terutama dalam masa kemelesetan sekarang di mana kebanyakan perniagaan terhenti. Memang benar Kerajaan tidak pernah mengatakan bahawa wang simpanan mereka

terjamin. Tetapi selalunya bila ada satu-satu hal terjadi, dengan izin, when there is a run kepada syarikat kewangan Bank Negara akan mempertahankan atau menyatakan akuannya tentang keteguhan syarikat-syarikat kewangan itu. Ini terjadi banyak kali pada masa-masa yang lepas dan saya tidak perlu menyebutkan satu persatu akan syarikat-syarikat yang terlibat.

Kepada penyimpan-penyimpan kecil tidak ada bezanya jika keadaan ini berlaku pada koperasi atau syarikat kewangan yang besar. Kepada mereka dianggap satu dan sama sahaja iaitu sebahagian daripada sistem kewangan yang terdapat di negara ini. Setengah-setengah syarikat kewangan membayar faedah yang tinggi juga sekurang-kurangnya jika dibandingkan dengan bank. Bahagian kewangan dalam koperasi juga sebenarnya mendapat pasaran yang baik. Biasanya mereka menggunakan pemimpin tempatan sebagai pengurus cawangannya. Setengahnya pernah menjadi pemimpin politik dan setengahnya masih menjadi pemimpin politik di peringkat grass roots, dengan izin.

Setengahnya Guru-guru Besar yang telah bersara. Mereka semua memang biasa dan kenal dengan penduduk tempatan. Mereka mempunyai kedudukan yang kukuh menunjukkan keunggulan dan amanah. Saya diberitahu Pengurus-pengurus Tempatan ini dibayar gajinya berdasarkan banyak simpanan yang dapat dipungutnya bukan dari banyak keuntungan yang cawangan itu perolehi.

Cubalah bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana bersungguh-sungguh Pengurus Tempatan berusaha untuk mempengaruhi penyimpan-penyimpan menyimpan wang di dalam koperasinya. Saya percaya jika penyiasatan menyeluruh diadakan

tentulah jelas menunjukkan mereka akan sanggup berbohong, menipu, memujuk bahkan merayu dengan menggunakan sentimen perkauman yang sempit untuk mendapatkan penyimpan-penyimpan dalam syarikat atau koperasi mereka. Penyimpan-penyimpan yang miskin dan bodoh ini sangat mudah tertipu dan masuk dalam perangkap mereka. Penipuan atau gambaran salah mudah mempengaruhi penyimpan-penyimpan dalam masa kemelesetan dan kelembapan ekonomi di mana tidak banyak peluang perniagaan hendak diceburi.

Memanglah diakui penyimpan-penyimpan telah tertipu kerana kebodohnya. Tetapi tidakkah perlu Kerajaan memberhentikan kegiatan ini. Jabatan Koperasi ada dan terdapat di mana-mana. Setiap negeri ada Pengarah, Negeri dan di peringkat negara ada Ketua Pengarah atau dengan izin, Registrar General? Apakah langkah-langkah yang telah mereka ambil untuk mencegah penyelewengan ini? Akta Koperasi memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meluluskan sebarang pelaburan. Berapakah pelaburan dalam 24 buah koperasi itu yang benar-benar mengikut peraturan? Berapa pula yang perjalanannya tidak betul dan diragukan? Adakah Pengarah-pengarah Koperasi, Ketua eksekutif, Pengurus-pengurus Tempatan atau Cawangan atau penasihat-penasihat benar-benar jujur dalam menjalankan tugasnya? Berapa banyak pelaburan yang telah diluluskan?

Adakah Registrar General atau Pengarah Negeri tahu prinsip-prinsip atau, dengan izin, basic rudiments kewangan bahawa wang untuk jangka pendek dilaburkan untuk pelaburan jangka panjang tidak akan dapat digunakan bila diperlukan untuk serta merta, dengan izin, that short term money when invested in long term

investments will inevitably lead to lack of liquidity and disaster must necessarily follow. Kalau Registrar General, dengan izin, tidak tahu ini, mengapakah dia dibenar mengeluarkan lesen untuk membuka Bahagian Kewangan dalam Koperasi? Jika begini keadaannya, saya berani menyatakan Kerajaan seolah-olah mengeluarkan lesen untuk menipu rakyat miskin dan yang tidak bersalah. Saya hanya dapat merumuskan, bahawa Kerajaan kita bertanggungjawab kepada kepentingan dan kebajikan penyimpan-penyimpan ini. Walaupun mereka bodoh kita mesti memperbetulkannya. Kerajaan juga seolah-olah terlibat sama kerana membenarkan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Wakil-wakil Rakyat melibatkan diri dengan mereka bagi membolehkan mereka mempengaruhi penyimpan-penyimpan, dengan izin, they lead them up the garden path. Oleh itu kita mesti mencari satu jalan penyelesaian dengan segera. Sekiranya dibiarkan masa berlalu, kebimbangan mereka akan memuncak dan akan menyebabkan kemarahan yang tidak terkawal lagi. Saya bimbang pihak-pihak tertentu akan mengambil kesempatan mengeksploitasi keadaan ini dan pada masa itu we may have a monster we cannot deal with, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya langkah-langkah segera diambil untuk mengatasi masalah ini seperti berikut:

- (1) Tubuhkan Bahagian Hal Ehwal Penyiasatan Koperasi (Cooperative Affairs Investigation Division) di Jabatan Peguam Negara dengan kuasa menyiasat semua, saya ulangi semua yang terlibat dalam penyelewengan itu sama ada mereka kakitangan Kerajaan, ahli politik atau ahli

- perniagaan tanpa mengira mereka ikan jerung atau ikan bilis. Bawa mereka ke muka pengadilan. Pinda Akta Koperasi untuk membolehkan Kerajaan merampas harta mereka yang didapati bersalah dalam penyelewengan ini. Dengan izin, forfeiture of all assets belonging to those convicted of malpractices supaya mereka tidak dibiarkan bersenang-senang menghisap darah rakyat miskin sama seperti pengedar dadah yang tidak patut dibiarkan hidup senang lenang dari penderitaan orang lain, dengan izin, ill-gotten gains. Siasat mereka yang mengambil pinjaman supaya habis menjelaskannya terutama kepada mereka yang kononnya mengaku menjadi "champion" kepada pergerakan koperasi sedangkan pinjamannya ditanggung oleh penyimpan-penyimpan miskin. Jika ada penyalahgunaan kuasa ianya mestilah didedahkan. Harapan kita hendak melahirkan rakyat yang bermaruah akan gagal jika mereka yang bersalah ini dibiarkan berleluasa. Kita mesti ajar mereka dengan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya.
- (2) Tubuhkan Bank Pusat Koperasi dengan Gabernonya sama seperti Bank Negara dengan kuasa mengawasi dan menyiasat kedudukan kewangan koperasi pada masa yang akan datang.
- (3) Benarkan Koperasi yang baik perjalanannya memulakan perniagaannya dan menjamin penyimpan-penyimpan wang bahawa kedudukan wangnya kukuh dan selamat sebagaimana jaminan yang diberi oleh syarikat kewangan dan bank.

- (4) Pulangkan balik wang penyimpan-penyimpan dengan penuh tetapi oleh kerana mereka bodoh dan tamak kembalikan wang pokok mereka sahaja tanpa faedah. Bayar mereka 50% dahulu, bakinya dibayar dalam tempoh tiga sehingga lima tahun

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi. Sila ringkaskan.

Puan Ling Chooi Sieng: Terima kasih. Dengan faedah seperti Bank Simpanan Nasional kadar 5% sahaja. Lagi 50% boleh dibuat dalam bentuk simpanan tiga hingga lima tahun yang dijamin oleh Kerajaan. Sijil simpanan mereka boleh ditukar, dengan izin, discountable bila mereka memerlukan wang di mana-mana institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa negara kita sedang mengalami masalah kewangan.

Sungguhpun begitu, kita tidak boleh lari dari menunaikan tanggungjawab kita. Kalau kita benar-benar jujur hendak menangkap culprit ini mereka mungkin dapat mengembalikan sebahagian besar wang yang telah diambilnya itu. Ini akan meringankan beban Kerajaan. Di masa-masa yang lalu, kita banyak memberi subsidi untuk meringankan beban rakyat. Rakyat sekarang mahukan Kerajaan menjaga atau menolong mereka. Sekarang inilah masanya kita mesti menunaikan tanggungjawabnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

5.01 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri, sebelum pilihanraya masih mengunjungi. Masalah-masalah ini semakin hari semakin serius. Oleh kerana negara kita menghadapi banyak masalah, maka kita semua berharap seluruh negara akan bertungkus-lumus menyelesaikan masalah-masalah dan skandal-skandal satu demi satu. Sebenarnya kita perlukan respon yang bersemangat dari seluruh pelusuk negara tetapi keadaan tiada bersedia masih mengalami kita. Sebenarnya kita harus membincangkan bagaimana membaiki ekonomi, tetapi ahli-ahli politik masih bertengkar bagaimana hendak membahagikan lagi national cake, dengan izin, yang semakin kecil itu.

Seharusnya kita mengurangkan polarisasi kaum, tetapi perhimpunan besar seperti perhimpunan-perhimpunan UMNO telah diadakan untuk meletakkan dominasi politik Melayu dan melebihkan pengkritik-pengkritik Dasar Ekonomi Baru sebagai anti nasional, elemen subversif dan pengkhianat. Walaupun ada seorang yang memperjuangkan perpaduan kebangsaan

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang berdiri. Yang Berhormat hendak apa?

Dr Chen Man Hin: Untuk apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Hendak apa?

Dr Chen Man Hin: Tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan. Boleh beri tak?

Dr Chen Man Hin: Tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak beri. Duduklah Yang Berhormat. (Ketawa).

Dr Chen Man Hin: Tetapi ada juga yang mahu memburukkan melalui ketiadaan toleransi dan ketiadaan kesedaran bahawa negara berbilang kaum. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahukan satu pentadbiran yang "bersih, cekap dan amanah", tetapi rasuah masih meningkat dan membiarkan kakitangan Kerajaan meminum kopi, membaca surat khabar pada waktu bekerja. Melihat keadaan sebegini, pelabur-pelabur tempatan menarik keluar wang mereka dari negara ini walaupun mereka seharusnya menjalankan perniagaan dan membina kilang di sini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 3hb Ogos 1986, dengan kemenangan 148 kerusi daripada 177 kerusi di Parlimen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat mandat untuk membetulkan masalah yang ditinggalkan selepas tahun 1982 sehingga tahun 1986 tetapi telah ternampak bahawa beliau enggan atau tidak berkemampuan untuk mengesan perubahan-perubahan yang begitu perlu untuk mengembalikan semangat nasional, keyakinan nasional dan penghidupan tenaga baru.

Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan UMNO yang ke 37 pada bulan dahulu seharusnya bersikap sebagai negarawan dan menentukan ke arah penyelesaian masalah kebangsaan untuk polarisasi kaum dan rasuah tetapi beliau memilih jalan perkauman. Beliau menyifatkan DAP sebagai "sebuah parti anti Melayu di mana popularitinya terletak di atas isu-isu yang boleh menimbulkan kebencian antara orang Cina ke atas orang Melayu." "Kita tidak mempunyai niat untuk menarik hak-hak sesiapa, tetapi tidak boleh

membiarkan sesiapa untuk menarik hak-hak kita" unquote, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kod itu apa?

Dr Chen Man Hin: Kod itu ucapan dia, dan dalamnya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dalam bahasa apa itu?

Dr Chen Man Hin: Pardon.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dalam bahasa apa?

Dr Chen Man Hin: Dalam bahasa Inggeris tetapi saya tukar dalam

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila minta izin dengan Pengerusi, kalau bercakap dalam bahasa lain daripada Bahasa Malaysia.

Dr Chen Man Hin: Dengan izin, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Bukan, minta, kalau bercakap dalam bahasa Inggeris, sebut "dengan izin".

Dr Chen Man Hin: Ya, boleh. Minta maaf. DAP mencabar Perdana Menteri untuk membuktikan bagaimanakah anti Melayu kita. Kita berjuang untuk semua hak-hak rakyat Malaysia. Dan ucapan-ucapan kita adalah bertujuan untuk mencapai keadilan politik, ekonomi, demokrasi dan kebudayaan serta kebebasan beragama. Siapakah yang telah menarik hak-hak siapa?

Barisan Nasional memenangi 148 kerusi daripada 177 di mana UMNO sendiri memenangi 83 daripada 84 yang ditandingi atau 99% kejayaan iaitu 20% lebih daripada tahun 1982.

DAP menang 24 kerusi, lebih kerusi yang dimenangi daripada kedua-dua MCA dan Gerakan. Ini mungkin menimbulkan kemurkaan UMNO. Tetapi memang inilah apa dia demokrasi yang sebenarnya. Rakyat jelata mempunyai hak untuk memilih wakil-wakil mereka untuk melahirkan frustrasi dan ketidakpuasan mereka. Mereka mahukan hak-hak mereka sebagai rakyat Malaysia. Adakah ini anti nasional atau anti Melayu. Memang tidak. UMNO menghebohkan 1.5 juta undi dan memperolehi 83 kerusi. Tetapi DAP dengan satu juta undi, cuma mendapat 24 kerusi sahaja. Ini adalah satu contoh biasa yang jelas berkenaan pertimbangan bandar/luar bandar. Pertimbangan ini telah melebihi 15%, dengan izin, rural weightage, yang dipersetujui oleh pengasas-pengasas Perlembagaan Persekutuan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempertahankan penyalahgunaan prinsip satu orang satu undi ini dengan menyatakan bahawa sistem ini adalah terbaik untuk kestabilan politik dan pembangunan yang seimbang.

Untuk satu Suruhanjaya siasatan bagi skandal pasaran timah di London, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai kata-kata ini untuk diceritakan. Ahli-ahli Suruhanjaya ini akan dihindangkan oleh publisiti demi untuk menjadi perwira, mereka tentu tidak akan menjalankan tugas dengan kesaksamaan dan berobjektif. Memang reaksi ini adalah ekoran daripada pengalaman pahit di antara beliau dengan Jawatankuasa Siasatan Skandal BMF yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ahmad Noordin. Ini adalah satu kesalan memandangkan bahawa jawatankuasa tersebut meliputi mereka yang tulus-ikhlas, mereka yang jujur. Perdana Menteri merasai tidak puas hati kerana mereka mengeluarkan faktor-faktor yang memburuk-burukkan beliau.

DAP juga dikritik sebagai chauvinistic, dengan izin, demi menimbulkan isu skandal BMF itu. Jikalau ini adalah sikap untuk membasmi rasuah, maka rasuah dan skandal-skandal tentu akan menambah. Keadaan ini adalah tidak sihat bagi negara dan mesti diberhentikan. Beliau mesti melaksanakan tiga perkara. Beliau mesti menganggap diri sebagai Perdana Menteri bagi semua rakyat Malaysia dan bukan sahaja Perdana Menteri untuk UMNO atau rakyat luar bandar. Beliau mesti menjadi penyerang rasuah serta membersihkan semua rasuah dan kelakuan immoral terutama di tempat-tempat tinggi. Beliau mesti melantik satu Suruhanjaya Siasatan untuk menyiasat dakwaan penyimpangan dalam objektif dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu. Beliau juga perlu mencadangkan langkah-langkah untuk menjamin semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum mendapat manfaat daripada proses menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Jikalau semua ini tidak dapat dijalankan, maka taraf moral politik dan ekonomi akan menjadi lebih buruk, semua keburukan ini mesti berhenti sekarang, jikalau tidak negara kita akan tergelincir ke dalam satu situasi di mana tiada kembalian. Jadi adalah tanggungjawab pemimpin-pemimpin politik untuk menunjuk teladan baik dan semua rakyat di negara ini mengikutinya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya pemimpin UMNO tidak mengambil reaksi positif terhadap keputusan pengundi bandar yang menyokong pihak Pembangkang.

Ucapan Ahli dari Kok Lan di Institut Hal Ehwal Antarabangsa di Singapura pada 30hb Ogos, menyeru orang Cina di Malaysia mengakui dan menerima pemerintahan Melayu dan menerima status quo mereka atau satu percantuman dengan Indonesia ialah

satu contoh melampau ke atas response fanatik dan kesilapan. Ucapannya yang diberi begitu besar laporannya di *The New Strait Times*, *Utusan Malaysia* dan lain-lain, laporan yang biasa diberi kepada mereka yang bertaraf Menteri, benar-benar menunjukkan pemikiran pucuk pimpinan UMNO. Ucapannya juga diterbitkan pada Hari Kebangsaan, itu bukanlah satu kebetulan, tetapi untuk meningkatkan rakyat Malaysia di bandar-bandar terutama dominasi politik Melayu.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Anwar Ibrahim dan bintang kemunculan dalam pucuk pimpinan UMNO memainkan peranan sebagai gallery, dengan izin,

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Seremban duduk sekejap!

Tuan Shahidan bin Kassim:
Peraturan Mesyuarat 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):
Peraturan Mesyuarat 36 (5):

Tuan Shahidan bin Kassim: Maaf.
Peraturan Mesyuarat 36 (5):

“Seseorang ahli tidak dibenar menyebutkan nama ahli lain.”

Dr Chen Man Hin: Sebagai gallery, dengan izin, dan tidak sebagai negarawan. Bagi mereka yang mengkritik

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat meminta maaf berkenaan apa tadi?

Dr Chen Man Hin: Saya menggunakan tadi nama Menteri

Pelajaran, Anwar Ibrahim. Saya sebut nama beliau dan sekarang saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tarik balik.

Dr Chen Man Hin: Saya tarik balik nama itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau tarik balik tidak apa, teruskan.

Dr Chen Man Hin: Itu silap sedikit. (*Ketawa*)

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Bagi pihak Menteri Pelajaran, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila teruskan.

Dr Chen Man Hin: Bagi mereka yang mengritik D.E.B. beliau memberi amaran bahawa Pemuda UMNO akan menyoal kewarganegaraan bukan bumiputera sekiranya mereka menyoal hak-hak keistimewaan Melayu. Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersalah tentang dua hal.

Yang pertama, beliau tidak patut menyamakan D.E.B. dengan hak-hak keistimewaan. D.E.B. bukanlah seekor "lembu suci", ia adalah satu alat untuk perpaduan. Memang jikalau ada ketidakpuasan demi perpaduan kebangsaan, sungutan-sungutan mesti didedahkan. Menteri Pelajaran mesti menganggap penolakan orang-orang bandar terhadap dasar Barisan Nasional sebagai sah dan demokratik. Pengundi bandar meliputi rakyat Malaysia dan sebagai rakyat Malaysia, mereka mempunyai hak untuk menggunakan undi mereka dengan bebas sama ada bagi DAP atau Barisan Nasional.

UMNO mesti dengar pandangan-pandangan dan bantahan-bantahan pengundi-pengundi bandar. Perdana Menteri mesti mengambilkira hak-hak semua rakyat Malaysia baik di bandar mahupun di luar bandar. Dengan inilah perpaduan kebangsaan dapat dicapai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut.

5.14 ptg.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membuat ucapan ulung di Dewan yang mulia ini setelah beberapa hari mencubanya.

Saya dengan hati suci dan ikhlasnya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga dan menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Parlimen Yang Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah menyentuh semua aspek hidup dan pemerintahan negara kita yang berdaulat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulas di sini bahawa negara kita telah mengamalkan demokrasi dan ini telah membawa rakyat yang terdiri dari semua kaum yang berlainan agama hidup dengan aman dan damai serta dapat mengecapi peluang-peluang yang sama dalam semua genap lapangan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ada berkata yang negara ini tidak demokratik. Saya menentang beliau dan ucapan itu adalah untuk mencari popularity, dengan izin, bagi diri sendiri, bukan bagi kepentingan politik negara.

Saya penuh percaya bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara

dalam Kommanwel yang begitu serius, dan berjaya mengamalkan sistem demokrasi jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dalam Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak negara-negara luar selain dari yang di dalam Komanwel mengakui dan mengiktirafi Malaysia dengan sistem demokrasi berparlimen dan mempunyai Perlembagaan yang begitu seimbang sejak kita merdeka sehinggalah ke saat kita berada di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah hasil dari pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang bijaksana dan bertimbangrasa, seperti Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan sekarang ini dengan pemimpin agung kita, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang dinamis, tegas, berani, bijaksana dan juga bertimbangrasa dalam semua gerak-geri dalam memerintah negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemerintahan yang adil, bertimbangrasa, saya kira tidak wujud di mana-mana negara di dunia ini yang mana rakyatnya berasal dari berbilang kaum dan berlainan agama.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat di Malaysia ini dari semua kaum dan keturunan patut benar bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana telah memberi hidayat dan taufikNya kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk bersatu dalam mencapai kemerdekaan dan bersatu pula dalam mentadbir negara lebih 29 tahun. Ini sangatlah besar ertinya. Memanglah ada segelintir rakyat yang rasialis, sentiasa prejudis dan enggan menerima hakikat ini kerana kepentingan diri sendiri dan bukan kepentingan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat-Yang

Berhormat lain yang dahulu dari ini menafikan tuduhan pihak Pembangkang bahawa Barisan Nasional ada, dengan izin, crisis of confidence dan keruntuhan credibility. Kalau apa yang dilaung-laungkan oleh pihak Pembangkang itu benar, kenapakah Barisan Nasional diberi mandat yang begitu besar dalam pilihanraya baru-baru ini. Kenapa pula parti-parti Pembangkang, DAP dan PAS tidak berjaya mengurangkan majoriti Barisan Nasional dalam Dewan ini dan Dewan-dewan Negeri, sebagaimana yang dilaung-laungkan sebelum pilihanraya? Dan kenapa pula parti Pembangkang tidak pernah memerintah Malaysia sejak sekian lama berkokok, mereka hanya menghabiskan masa pengundi-pengundi mereka sahaja? Kenapakah pula mereka juga gagal meng-exploitasikan crisis of confidence dan keruntuhan credibility, dengan izin, dan mendapat kerusi lebih banyak dari yang ada di Dewan Rakyat ini?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bukti nyata dan terang, dengan izin, as clear as crystal, kepada kita bahawa rakyat Malaysia dari berlainan kaum dan agama tidak rela dan tidak menerima pemerintahan selain dari Barisan Nasional, mereka tidak mahu DAP, PAS atau lain-lain parti.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ada berkata dalam ucapannya mengenai khabar-khabar angin tentang Perdana Menteri meletak jawatan. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sendiri berkata ianya sendiri tidak tahu dan khabar angin itu tidak berasas ketika ditanya oleh orang ramai menurut ucapannya. Kalaulah khabar-khabar angin itu tidak ada, dengan izin, basis atau truth, kenapakah ianya sendiri bawa lagi perkara ini ke dalam Dewan dan membuang masa. Ingatlah wahai pembangkang-pembangkang sekalian, janganlah suka heboh-hebohkan perkara yang diketahui sendiri tidak

benar dan tidak logik, mungkin dalam hal lain pula mereka juga tidak menggunakan logik dan suka perkara-perkara yang tidak benar diheboh-hebohkan.

Saya minta Tuan Yang di-Pertua, supaya Pembangkang biarlah constructive, dengan izin, biarlah sedap didengar di Dewan ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Pembangkang berkata Kerajaan tidak amalkan sistem demokrasi. Jadi, bagaimanakah mereka ada di dalam Dewan ini. Saya pasti bahawa dengan adanya pilihanraya rakyat diberi kebebasan memilih wakil mereka untuk ke Parlimen dan Dewan-dewan Negeri.

Sekarang mereka tidak dapat memerintah dan kalah ada sahaja yang tidak kena. Begitu juga PAS, the loner, dengan izin. Pada hemat saya crisis of confidence, keruntuhan credibility wujud di kalangan DAP, PAS dan parti-parti lain di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibuat oleh Kerajaan semuanya tidak betul belaka tetapi saya tidak pernah mendengar pihak Pembangkang membangkang tentang elaun mereka ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang berkata bahawa pelabur tempatan pun tidak mahu melabur di negara ini, ini bukan kerana crisis of confidence, ini adalah disebabkan si pelabur tadi tidak loyal kepada negara yang telah memberi segala nikmat dan kesenangan kepada mereka. Mereka hanya memuji Malaysia bila ekonomi baik dan keadaan aman sahaja tetapi apabila ekonomi negara merosot mereka mengagung-agungkan negara-negara lain dan tidak mahu berkorban untuk negara, bangsa dan tanah air. Ini sungguh-sungguh mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyeru dalam Dewan yang mulia ini semua rakyat Malaysia dan semua kaum dan agama bersatu padu dan taat, dengan izin, loyal kepada pemerintah dan negara yang kita cintai kerana kita tidak ada tempat lain untuk berteduh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyahut baik seruan pihak Pembangkang mahu bekerjasama dengan Kerajaan dalam menyelesaikan semua masalah-masalah negara walaupun mereka tidak mahu menyertai Barisan Nasional pada masa ini dan tidak mungkin pada masa-masa lain. Tuan Yang di-Pertua, kalaulah betul, saya harap kita dapatlah menerima bangkangan-bangkangan yang sihat, dengan izin, healthy constructive, kerana, dengan izin, a healthy democracy should have a healthy Opposition, bukan sebaliknya. Janganlah semua kesalahan dan masalah-masalah itu dibebankan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja atau Kerajaan semata-mata. Bersama-samalah kita bertanggungjawab sebagai rakyat yang cinta kepada negara dan menjunjung tinggi Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang yang pecah amanah dan rasuah Kerajaan sentiasa mengambil langkah membawa mereka ke hadapan mahkamah untuk dibicarakan dan dihukum jika didapati bersalah. Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu hal ini tetapi orang seperti DAP dan PAS selalu menafikan usaha-usaha murni Kerajaan dan undang-undang negeri ini walaupun usaha-usaha ini memberi manfaat kepada DAP, PAS dan lain-lain parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesalahan mengedar dadah dan hukuman gantung ke atas kedua-dua kes John Barlow dan Brian Geoffrey Chambers dari Australia, semua orang di Malaysia faham dan

begitu juga orang-orang negara asing bahawa Malaysia mempunyai independence of judiciary dan Kerajaan lebih faham, dengan izin, the rule of law. Dalam hal ini saya berharap di masa sekarang dan masa-masa akan datang soal, dengan izin, jurisdiction, kita tidak boleh rundingkan dengan mana-mana negara pun kalau rakyat mereka terlibat dalam kesalahan yang sama. Ketegasan Kerajaan ini atau, dengan izin, the Government's firm stand, telah diakui oleh negara-negara asing apabila kedua-duanya digantung. Kenapakah DAP suka menghebohkan perkara ini, kerana saya sendiri yakin DAP juga faham, the rule of law, sebagaimana peguam-peguam dan bukan peguam dalam Barisan Nasional. Mungkin kerana, minta maaf, peguam DAP adalah peguam-peguam mereka. Tetapi dengan ringkasnya saya suka menyarankan di sini bahawa Kerajaan hendaklah mendirikan lagi banyak

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan beri atau tidak?

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak beri jalan. Saya suka menyarankan bahawa Kerajaan hendaklah mendirikan lagi sekolah-sekolah, maktab-maktab perguruan atau cawangan-cawangan universiti di pekan atau di kampung-kampung yang kecil seperti di Batu Kurau. Selama dan lain-lainnya tidaklah mustahak sama sekali didirikan di bandar-bandar besar sahaja. Dan begitu juga hospital-hospital hendaklah didirikan di kampung-kampung atau di mukim-mukim yang kecil seperti di England dan di Eropah. Pembangunan luar bandar hendaklah ditumpukan bagi kemudahan semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang kampung dari segi ekonominya

sangatlah sedih jika dibandingkan dengan ekonomi peneroka-peneroka FELDA atau FELCRA dan orang-orang bandar. Dengan yang demikian, saya harap Kerajaan lebih mengambil berat tentang nasib nelayan-nelayan, pekebun-pekebun kecil, penanam-penanam padi, misalnya, mencari pasaran kepada barang-barang mereka dan memberi tahu mereka usaha-usaha yang viable untuk kepentingan pasaran barang-barang mereka. Unsur-unsur jahat dan fahaman agama atau perkauman yang ekstrem hendaklah dikawal dan dihapuskan di sekolah-sekolah, di maktab dan di universiti-universiti dan juga di semua pejabat-pejabat Kerajaan dan Badan-badan Separuh Kerajaan (Statutory Bodies), menyarankan Badan-badan Berkenaan di bawah Kementerian Perusahaan Awam mengambil berat bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran dalam semua bidang pentadbiran kepada tahap yang lebih tinggi tanpa menyekat minat mereka dari berbuat demikian. Mereka hendaklah diberi elaun atau gaji penuh ataupun separuh sekurang-kurangnya apabila mereka menjalani kursus-kursus di dalam negeri ataupun di luar negeri dan tidak menyekat mereka atau tidak menyuruh mereka meletakkan jawatan atau dibenarkan pergi berkursus tanpa elaun dan gaji sebagaimana didapati ada berlaku. Ini adalah bertujuan untuk mengadakan pegawai-pegawai yang lebih efficient bagi mentadbir syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan.

Tabung Haji, saya menyarankan supaya jemaah haji tidak dibenarkan pergi menunaikan fardu haji melalui agen-agen pelancongan. Kalaulah pun dibenar, mereka hendaklah membayar semua wang-wang yang diperlukan kepada Tabung Haji dan dengan ini kita dapat menyelesaikan masalah haji-haji terkandas bukan Haji Mabruur sebagaimana berlaku pada musim haji yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menyentuh tentang dadah adalah musuh negara selain dari komunis. Setahu saya Kerajaan telah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Soal dadah ini timbul kerana Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit. Apabila penageh-penageh dadah itu kembali ke pangkuan masyarakat, mereka tidak diterima 100% oleh masyarakat apabila mereka dibebaskan dan kadangkala keluarga mereka pun tidak menerima dan mereka tidak dapat pekerjaan mengikut kelayakan yang ada sebelum masuk dan selepasnya. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya dengan sesungguhnya menghargai langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memulihkan penageh-penageh dadah itu hingga membelanjakan berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya menimbangkan kemungkinan mengadakan satu kawasan yang luas khas bagi tujuan dijadikan tempat di mana penageh dadah yang tidak ada kemungkinan boleh kembali kepangkuan jalan dikumpulkan di situ buat selama-lamanya sehingga mereka dapati betul-betul pulih. Tuan Yang di-Pertua, semasa di tempat itu, mereka digalakkan membuat kerja-kerja yang berhasil seperti bercucuk tanam, memelihara binatang ternakan, berkebun sayur-sayuran dan membuat kerja-kerja pertukangan tangan yang mempunyai commercial value atau commercial basis supaya hasil itu dapat menanggung perbelanjaan dan sara hidup mereka sendiri dan menanggung perbelanjaan

pengurusan pusat itu, dengan lain perkataan, self-supporting, dengan izin.

Kawasan yang saya maksudkan itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah sebuah pulau. Sekiranya mereka sudah lama di situ dan ada di antara mereka yang ingin berkahwin, mereka bolehlah dibenarkan dan isteri-isteri serta anak-anak mereka bolehlah bersama-sama menjayakan program ini untuk menyelamatkan wang Kerajaan.

Saya dengan hati yang suci, Bismillahir-ramanir-rahim, menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Titiwangsa.

5.31 ptg.

Drs Suleiman bin Mohamed (Titiwangsa): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan sukacita menyokong usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas limpah berkenan Kebawah Duli Tuanku merasmikan Persidangan Parlimen bagi Penggal Pertama Parlimen Ketujuh. Dalam Titah Ucapan itu dapat dikemukakan perspektif yang menyeluruh dan comprehensive. Namun demikian fakta yang hakiki dan mengesan adalah persoalan perpaduan rakyat yang masa kini merupakan masalah pokok nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara Malaysia yang majmuk dan beraneka ragam kebudayaan, perkataan "polarisasi" adalah merupakan satu tabu yang menghambat kewujudan perpaduan. Polarisasi bukanlah perkara baru, umurnya seusia dengan adanya Parlimen dan lahirnya parti-parti politik di negara ini. Kerajaan sejak dari dahulu hampir tiga dasar

warsa bertungkus-lumus cuba menghapuskan gejala-gejala ini. Akan tetapi hambatan-hambatan meneutralisasikan masih tetap ketara. Tidak boleh kita sangkal bahawa fakta yang dominan yang menghalang segala usaha Kerajaan itu adalah terdapatnya parti-parti politik di negara ini yang bukan sahaja prinsip perjuangan mereka berlandaskan kepada perkauman, tetapi menggunakan isu-isu perkauman sebagai modal-modal utama dalam mencari pengaruh di negara ini. DAP misalnya adalah penganjur dan pelopor polarisasi kaum dan chauvinist China di negara ini. Keputusan Pilihanraya Umum lalu adalah satu bukti nyata. Perpecahan kaum mengikut pengundian, pengaruh pandangan politik kaum, khususnya masyarakat Cina, adalah manifestasi dari pengaruh politik DAP. Tekat dan hasrat DAP tidak dapat disangkal mahu memisahkan ras antara ras di dalam skop psikologi, nilai dan kepercayaan bangsa di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pasang surut politik di Malaysia yang saya anggap malang ini, komitmen Kerajaan terhadap masalah prinsip perpaduan akan menyukarkan usaha tercapainya penyelesaian integrasi nasional, selagi parti yang berlandaskan prinsip perjuangan kaum seperti DAP ini masih lagi wujud. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sebentar. Yang Berhormat, minta penjelasan atau bangun on a point of order?

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan.

Drs Suleiman bin Mohamed: Saya tidak dapat memberi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri jalan. Sila duduk!

Drs Suleiman bin Mohamed: Saya tidak dapat memberi laluan, saya berucap

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of order ataupun penjelasan?

Tuan Hu Sepang: Penjelasan, boleh beri jalan?

Drs Suleiman bin Mohamed: Saya tidak dapat memberi laluan, kerana kalau saya berucap, saya tidak suka orang mengganggu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Tuan Hu Sepang: Bolehlah. Kalau tidak sporting, sudahlah.

Drs Suleiman bin Mohamed: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini adalah penting sekali bagi kita memikirkan satu sistem politik yang realistik ke arah menjamin perdamaian, kemajuan dan kesejahteraan sosial Malaysia tercinta. Justru itu dalam pergolakan ini adalah menjadi perkara imperative dan keharusan bahawa polarisasi yang sudah merupakan hamil tua diselesaikan secara politik. Tidak ada cara yang lebih sempurna dan bijaksana selain dari ketegasan Kerajaan mengharamkan mana-mana parti politik yang prinsip perjuangannya berlandaskan kepada communal atau perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, kalau berdasarkan

faktor itu, saya suka mencadangkan supaya parti DAP diharamkan.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap. Beri jalan atau tidak?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat beri laluan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, jikalau tidak berani, jangan buat tuduhan. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Jangan buat tuduhan, jikalau tidak memberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Boleh duduk, boleh, tetapi kami memberi amaran

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau boleh, duduklah.

Tuan R. Karpal Singh: amaran kepada Yang Berhormat dari Titiwangsa, jangan buat tuduhan-tuduhan apabila tidak hendak beri jalan untuk penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Adakah point of order?

Tuan Lau Dak Kee: Ini penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri, sila duduk!

Drs Suleiman bin Mohamed: Kalau DAP diharamkan, ahli-ahli DAP jangannya susah hati, kerana orang

kata "even a glittering political profession ends up in tears", dengan izin.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, on a point of order, Tuan Speaker, bolehkah seorang ahli berucap dalam bahasa Inggeris tanpa izin?

Drs Suleiman bin Mohamed: No, saya minta izin.

Tuan R. Karpal Singh: On a point of order, duduk! (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of order, apa dia?

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini berucap dalam bahasa Inggeris tanpa keizinan Tuan Speaker?

Drs Suleiman bin Mohamed: No, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya buat keputusan yang semua sedar.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap, tanpa izin tidak boleh gunakan bahasa Inggeris, tetapi dia minta izin di hujung ayat itu, (*Tepuk*) dalam Bahasa Kebangsaan bolehlah dibuat begitu. Sila sambung, Yang Berhormat.

Drs Suleiman bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dasar Ekonomi Baru yang telah dipersetujui

bersama telah dinodai dengan suara-suara sumbang yang berhakikatkan politik perkauman. Kita insaf dan sedar bahawa Kerajaan menggunakan dasar ini sebagai satu strategi pembangunan yang merupakan satu saranan pertumbuhan untuk meyakinkan distribusi yang lebih pantas dari keuntungan pembangunan itu sendiri ke arah mengelakkan krisis ras yang berpanjangan. Kelesuan ekonomi dewasa ini tidak memungkinkan terhentinya perlaksanaannya pada tahun 1990. Saya mengalu-alu dan memuji ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masalah ini. Saya sendiri yakin selagi kita bercita-cita melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu, satu bangsa yang beraspirasikan harmoni, maka keseimbangan corak kekayaan serta kesejahteraan sosial akan dapat dicapai menerusi Dasar Ekonomi Baru ini dan saya yakin selagi itulah Dasar Ekonomi Baru mesti dipertahankan oleh semua kaum tidak mengira keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Tuanku juga telah menyentuh persefahaman ASEAN dan kebimbangan Baginda terhadap masalah Kampuchea. Suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pertikaian mengenai Kampuchea telah berfungsi sebagai katalisator, dalam konflik regional yang boleh meliputi Laos dan ASEAN, khususnya Malaysia. Maka dalam konteks menjadikan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali, dan di dalam hubungan dengan konflik Kampuchea ini, Malaysia sebagai anggota ASEAN bersama-sama anggota-anggota yang lain pada masa ini menghadapi satu paradox, dengan izin. Ini jelas kerana kita diseret di dalam satu polar yang tidak ketentuan. Pakatan ASEAN adalah bersifat kerjasama ekonomi serantau sedangkan ancaman bagi keamanan Asia Tenggara amatlah

ketara mencabar. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat fakta keamanan atau "security pact" mestilah wujud di dalam ASEAN. Fahaman fakta keamanan bersama ASEAN cenderung menodai prinsip Zon Aman, Bebas dan Berkecuali adalah merupakan fahaman yang tidak sesuai lagi kerana kecenderungan-kecenderungan intervensi komunis mesti diberikan satu perhatian khusus. Kalau keadaan ini menjadi reality, mestikah kita teguh dalam idea "fight our own war", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu fakta keamanan regional negara-negara ASEAN dalam perspektif tadi amatlah diperlukan. Setiap anggota ASEAN mempunyai matlamat dan tujuan yang sama iaitu menentang komunis sedangkan kita tahu cabaran-cabaran komunis dalam persengketaan ASEAN, dalam persengketaan Kampuchea ini, amatlah berat tekanannya.

Justru itu, kalau negara anggota ASEAN cuba berjuang sendiri, ia akan menghadapi kegagalan. Jatuhnya satu negara ASEAN bererti jatuhnya negara ASEAN yang lain. Oleh yang demikian, konsep kerjasama ekonomi serantau dirasakan tidak mencukupi kalau tidak ditegaskan dengan kepentingan dan kerjasama militer bagi menolak eskalasi konflik Kampuchea. Oleh kerana masalah ini adalah masalah bersama yang merupakan front bersama, saya suka menegaskan bahawa kelahiran fakta keamanan, khususnya di bidang militer amatlah diperlukan sekali dan saya suka menegaskan bahawa fakta keamanan ini tidak sama sekali membahayakan zon aman, bebas dan berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marudu.

5.41 ptg.

Tuan Joe Ojhi Supiring (Marudu):

Tuan Yang di-Pertua, saya Ahli Bebas daripada kawasan Marudu berdiri kali yang pertama untuk menyertai membahar Titah Kebawah Duli di masa Perasmian Pembukaan Penggal Pertama Parlimen Ketujuh.

Kita harus berbangga ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli yang telah menyentuhkan aspek-aspek kepentingan rakyat dan negara kita. Pada hemat saya Titah Ucapan Kebawah Duli menggambarkan beberapa aspek penting, contohnya pencapaian matlamat Kerajaan yang sedang berjalan lancar dan juga akan dilaksanakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bertuah sekali pada hari ini kerana telah diberi peluang bagi kali yang pertama untuk mengaju kehendak-kehendak rakyat di kawasan Marudu, Sabah. Rasanya sesuai juga saya sebutkan di sini bahawa peluang ini merupakan satu penghormatan daripada Tuan Yang di-Pertua kepada saya dan rakyat Sabah, khususnya pengundi-pengundi di kawasan Marudu.

Saya tidak berniat untuk bercakap panjang lebar di Dewan yang mulia ini, walau bagaimanapun, sukalah saya menyentuh sedikit sebanyak mengenai pelaksanaan daripada pihak-pihak yang tertentu untuk mencapainya matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mengesyorkan kepada Kerajaan agar dapat memperpanjangkan tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, dengan kata lain, tidak perlu dihadkan tempohnya selagi matlamat dan aspirasi murni Kerajaan tidak tercapai. Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan ekonomi kaum bumiputera, tetapi

juga adalah untuk tujuan perpaduan nasional. Untuk tujuan ini ianya memerlukan perancangan yang rapi yang mana ianya memerlukan masa yang panjang. Melalui Dasar Ekonomi Baru inilah saya sangat-sangat mengharapkan agar jurang perbezaan pendapatan, taraf hidup dan sosial antara penduduk bandar dan luar bandar dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya program-program Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru amat sesuai, terutama sekali kepada penduduk luar bandar yang mana mereka agak lembab dalam kegiatan ekonomi. Saya selaku Ahli Bebas merasa kesal sekali mendengar ada pihak yang mempertikaikan pelaksanaan dasar ini. Mereka seolah-olah menutup mata terhadap realiti ketidakseimbangan taraf hidup antara penduduk luar bandar dengan bandar. Mereka sedar dan melihat hanya apa yang mereka nikmati di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan agar faedah-faedah dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini dapat juga dinikmati di kawasan saya, iaitu kawasan Marudu, khasnya Bengkoka dan Banggi di Sabah. Saya tidak segan dan silu untuk menyatakan di sini bahawa kawasan Marudu merupakan sebuah kawasan yang serba tertinggal ke belakang. Saya percaya sebilangan besar daripada kawasan yang diwakili oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat yang berada dalam Dewan yang mulia ini sudah pun menikmati hasil pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ataupun rancangan-rancangan Kerajaan, sementara itu rakyat jelata di kawasan Marudu yang berpenduduk tidak kurang daripada 40,000 bumiputera masih hidup dalam kesusahan. Kalau penduduk bandar menggunakan lampu elektrik, sementara itu kami di Marudu masih menggunakan lampu pelita. Jikalau kawasan lain-lain berlumba-lumba dan

kereta-kereta yang besar menjular dengan model-model baru, kami di Marudu pula masih asyik mengguna lembu untuk kaedah pengangkutan barang-barang, ini khasnya di desa-desa. Bolehlah saya katakan di sini bahawa kami di Marudu, khasnya di Banggi dan Bengkoka seolah-olah hidup di tahun 40an di Semenanjung Malaysia, bak kata pepatah, kami di sana hidup segan mati tak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti inilah yang memerlukan perlanjutan Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan harus memberi perhatian sewajarnya terhadap kawasan Marudu. Jalanraya-jalanraya di Pitas Kanibongan harus diberi perhatian dengan segera. Jambatan Pitas yang panjangnya tidak kurang daripada 100 meter perlu peruntukan untuk pembinaan. Oleh sebab kawasan ini dipisahkan oleh sungai, maka kelancaran perhubungan setempat telah terhalang. Sungai Pitas ini juga meragut beberapa nyawa rakyat disebabkan ketiadaan jambatan. Demikian juga dengan taraf hidup atau taraf kesihatan penduduk di sini amat rendah. Ini disebabkan ketiadaan pusat kesihatan yang mencukupi daripada Jabatan-jabatan Kesihatan. Demikian juga di kawasan Kudat, jalanraya menghubungkan kawasan-kawasan bumiputera harus dibina dan diperbaiki. Rancangan-rancangan perumahan rumah kos rendah harus diperuntukkan di kawasan-kawasan Kudat. Jalanraya daripada lapangan terbang Kudat Jalan Penangsoo hingga ke perkampungan Kampung Tiga Papan dan Kampung Suangpai Kudat haruslah ditarik untuk mempertingkatkan taraf hidup kaum-kaum yang berjumlah beribu-ribu penduduk di situ.

Tuan Yang di-Pertua, program Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain rancangan Kerajaan akan hanya tercapai sekiranya rakyat terhindar

daripada sebarang ancaman, tetapi impian sebegini rupa memang tidak wujud di setengah-setengah kawasan, terutama sekali di pantai-pantai timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini para penduduk di Sabah amat bimbang dan takut sekali. Ini disebabkan adanya beberapa siri rompakan dan samun, tidak kurang pula kes-kes pembunuhan ke atas penduduk Sabah, khasnya kawasan pantai timur Sabah. Dengan itu sukalah saya mencadangkan, bahkan minta daripada pihak Kerajaan agar dapat menempatkan lebih banyak ahli-ahli keselamatan dan orang-orang yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti sama ada seseorang itu pendatang haram atau sebaliknya. Untuk pengetahuan pihak Kerajaan, mereka bukan sahaja melakukan siri rompakan dan pembunuhan, tetapi lebih bahaya dari itu. Pada ketika ini mereka tidak takut-takut untuk menyeludupkan senjata-senjata dan bahan-bahan letupan sepertimana yang kita semua tahu baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sekiranya terdapat orang-orang Malaysia ataupun orang-orang Sabah yang terlibat dengan, dengan izin, "smuggling of weapons" haruslah dihukum sekadar dengan perbuatan celaka kepada rakyat dan negara Malaysia. Saya juga mencadangkan kepada Dewan ini, dengan izin, supaya "naval base" ditempatkan di Pulau Belambangan, Sabah. Ianya kawasan sempadan dengan Malaysia dan Filipina. Juga ahli-ahli peronda Police Field Force atau askar-askar Police Marine di sekitar perairan Sabah.

Sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa pencapaian rancangan-rancangan Kerajaan, terutamanya Dasar Ekonomi Baru akan hanya tercapai sekiranya negara berada

dalam keadaan aman dan selamat. Saya suka mengetahui setakat mana kedudukan atau rundingan Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Filipina mengenai dengan tuntutan Filipina terhadap Sabah. Perkara ini haruslah diselesaikan dengan cara diplomasi dan kepermanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang integrasi nasional pula, saya akan bercakap secara pendek sahaja kerana perkara ini kerap kali diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini. Kita akui bahawa pengujudan Feri Malaysia merupakan jambatan perhubungan antara kedua bersaudara di Semenanjung dan Sabah/Sarawak. Dengan ini mereka dapat pula mengetahui dan mengalami sendiri cara hidup dan kebudayaan di Malaysia Barat dan di Malaysia Timur. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, integrasi nasional ini haruslah dipraktikkan dan bukan hanya di bibir sahaja. Untuk itu para pemimpinlah yang paling pertama mempraktikkannya, pemimpin-pemimpin Semenanjung khasnya haruslah membuktikan dan memperlihatkan kepada rakyat jelata Sabah dan Sarawak tentang kepercayaan mereka terhadap pucuk pimpinan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini rakyat jelata di Sabah telah heboh-heboh tentang pengwujudan UMNO di Sabah ekoran dari kenyataan beberapa pemimpin-pemimpin UMNO di Perhimpunan UMNO baru-baru ini. Pada pendapat saya ini membayangkan seolah-olah Kerajaan Persekutuan atau UMNO di Semenanjung khasnya tidak mempunyai keyakinan terhadap pemimpin Kerajaan Negeri Sabah. Memandangkan yang pemerintah di negeri itu sendiri adalah keluarga Barisan Nasional, maka rakyat Sabah keliru dengan isu-isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Wakil dari "Papar" telah menimbulkan beberapa isu di mana perkara-perkara seperti itu bolehlah diperundingkan di antara pemimpin-pemimpin parti terutama sekali dalam keluarga Barisan Nasional. Di sebaliknya Yang Berhormat tadi pula terlupa mendedahkan kepada Dewan yang mulia ini masalah-masalah pembangunan dan bagaimana cara-caranya meninggikan taraf hidup rakyat jelata Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya tegaskan bahawa hanya dengan adanya sikap hormat-menghormati dengan ertikata kestabilan politik negara dan ketenteraman rakyat jelata Malaysia barulah boleh mewujudkan integrasi nasional dan mencapai matlamat perpaduan yang kita idam-idamkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

5.53 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Usul oleh Yang Berhormat dari Kuantan iaitu untuk Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada 7hb Oktober, 1986 di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa sejak merdeka sehinggalah ke hari ini negara kita yang kita cintai telah ditadbirkan mengikut prinsip amalan demokrasi berparlimen. Sesungguhnya setelah 29 tahun negara kita merdeka, amalan demokrasi berparlimen telah berjalan lancar dan dapat diterima oleh rakyat, walaupun perkembangan terakhir ini

nampaknya telah wujud segolongan atau segelintir rakyat yang ingin mencipta satu amalan kepimpinan yang berlainan.

Mereka mendakwa bahawa amalan demokrasi yang ada hari ini tidak lagi sesuai dipraktikkan. Kepada golongan ini, suka saya mengingatkan bahawa negara kita terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, maka tindakan kita hendaklah mengikut landasan yang sesuai dengan iklim tersebut.

Suka saya merakamkan di sini bahawa dengan mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi berparlimen, saya tidak nampak di manakah cacat-cela yang timbul. Negara kita terus berkembang maju di bawah pucuk pimpinan yang terdahulu hinggalah sekarang ini. Ini membuktikan bahawa kepimpinan cara ini amat sesuai dan disenangi oleh semua lapisan masyarakat. Sesungguhnya amalan demokrasi berparlimen adalah sesuatu yang berkewibawaan dan unggul. Justru itu saya menyokong penuh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Parlimen dan demokrasi adalah lambang keutuhan serta kekuatan kita.

Di samping itu, kita perlulah mengamalkan sikap sederhana dalam segala aspek. Tegasnya sikap melampau tidak akan mendapat tempat di negara ini kerana ia akan menghancurleburkan perpaduan yang kita pupuk selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa pertumbuhan ekonomi negara adalah dalam kadar yang lembab. Ini adalah ekoran dari kemelesetan ekonomi dunia. Phenomena ini diakui di seluruh dunia dan kita terima sebagai fenomena sejagat. Eksport pasaran utama negara seperti kelapa sawit, getah, bijih timah dan lain-lain menghadapi pasaran dunia yang perlahan, seterusnya memberi kesan kepada pendapatan negara.

Saya suka menegaskan bahawa langkah berjimat-cermat seperti yang kita amalkan hari ini adalah sesuatu yang tepat dan amalan ini patut kita teruskan, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai langkah Kerajaan yang cuba menerokai bidang perusahaan berat dan kini kita telah berjaya mengeluarkan serta memasarkan kereta Proton Saga yang beridentitikan ke Malaysiaan.

Kita kini boleh berbangga dengan pengeluaran kereta tersebut walaupun ekonomi dunia masih muram. Sesungguhnya usaha Kerajaan kita yang sentiasa mencari jalan keluar dari dibelenggu oleh kelembapan ekonomi harus dialu-alukan oleh rakyat. Dengan ertikata yang lain usaha ini menunjukkan bahawa kita mampu mengeluarkan kereta sendiri dan insya Allah dengan permintaan dari negara luar akan memberi pulangan serta pendapatan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi yang lembab ini, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya mencari pasaran-pasaran baru untuk bahan utama negara kita. Rombongan perdagangan kita ke Iran tidak lama lagi sangat-sangatlah dialu-alukan dan saya berharap rombongan tersebut dapat meyakinkan pihak berkuasa Iran untuk membeli minyak kelapa sawit kita sebagai bahan minyak makan kepada rakyat negara Iran. Saya difahamkan Iran mengimport 500,000 tan minyak makan tiap-tiap tahun dan sebahagian besar daripadanya adalah minyak kacang soya yang dibeli daripada pengusaha-pengusaha Amerika Syarikat. Dari segi harga yang ekonomik dan dari segi politik, saya rasa Malaysia sepatutnya dapat sebahagian daripada pasaran yang besar minyak makan yang diimport oleh Iran itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengenai masalah ancaman komunis terhadap keselamatan negara. Alhamdulillah dengan berkat kesungguhan yang sentiasa wujud di kalangan Pasukan Keselamatan kita telah dapat membanteras ancaman komunis. Kejayaan Pasukan Keselamatan kita adalah dengan kerjasama orang ramai. Oleh itu, marilah kita terus menjadi mata dan telinga Kerajaan supaya kita sentiasa mengambil peranan dengan berwaspada selalu terhadap anasir-anasir subversif. Moga-moga dengan sikap sentiasa berwaspada kepada keadaan semasa, insya Allah kedaulatan dan kemakmuran negara kita tidak akan tercabar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai penyalahgunaan dadah pula, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah tepat dengan masanya. Rakyat seharusnya sedar bahawa dadah adalah musuh utama negara. Dalam perkara ini kesedaran seharusnya bermula dari rumah. Peranan ibubapa dalam mendidik dan mencorak-corekkan anak-anak adalah penting. Di pihak Kerajaan tidak sesiapa boleh menafikan akan peranan Kerajaan hatta dunia sekalipun. Dengan penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya telah memberi kesan yang membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita terkejut mendapat tahu bahawa ada di kalangan penuntut-penuntut kita di pusat-pusat pengajian tinggi terlibat dengan penagihan dadah. Perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku khasnya oleh warganegara kita yang berpelajaran tinggi yang sepatutnya tahu undang-undang negara dan betapa bahayanya penyalahgunaan dadah. Tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh

Kerajaan dan pihak berkuasa pusat-pusat pengajian tinggi tersebut untuk mengetatkan disiplin penuntut adalah baik dan dialu-alukan tetapi saya rasa tindakan tersebut adalah tindakan-tindakan jangka pendek sahaja.

Saya rasa ada satu-satu yang tidak kena dari segi masyarakat kita dan dari segi pendidikan anak-anak kita. Penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi tidak akan terkena dengan dadah jika persiapan awal adalah tebal dari segi keagamaan dan memupuk akhlak yang mulia. Saya berpendapat di samping tindakan-tindakan disiplin satu kajian yang mendalam perlu diambil oleh Kerajaan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam masyarakat kita yang menyebabkan anak-anak muda kita terjebak ke dalam lembah kehinaan ini. Cadangan-cadangan yang konkrit adalah perlu supaya satu pendidikan yang lebih baik dapat diamalkan oleh masyarakat dan Kerajaan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan salah satu teras kepada kelicinan pembangunan negara. Justru itu, keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara yang kita nikmati hari ini adalah hasil dari semangat perpaduan di kalangan semua kaum. Tegasnya tema perayaan Hari Kebangsaan 1986 iaitu "Bangsa Tegas Negara Teguh" adalah mempunyai hubungkait dengan perpaduan yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan. Oleh itu marilah kita terus memupuk semangat perpaduan yang sedia wujud ini demi untuk mengekalkan kemakmuran dan kemerdekaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengenai dasar luar negara kita. Saya mengalu-alukan

dasar Kerajaan kita yang tegas dan cergas berkenaan isu-isu antarabangsa seperti apartheid di Afrika Selatan, masalah Afghanistan dan Palestine. Peranan yang dimainkan oleh Malaysia amnya dan Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad khasnya amatlah membanggakan kita. Pendirian kita di dalam isu-isu tersebut adalah pendirian yang tegas untuk menegakkan keadilan dan hak asasi rakyat di negara-negara tersebut. Negara kita tidak sunyi-sunyi membangkitkan isu-isu penindasan rejim kulit putih Afrika Selatan ke atas rakyat majoriti kulit hitam, penjajahan Afghanistan oleh Soviet Russia dan penjajahan Kampuchea oleh Vietnam di semua forum-forum antarabangsa seperti Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel, Persidangan Negara-negara Berkecuali, OIC dan Bangsa-bangsa Bersatu.

Saya berharap usaha-usaha seperti ini dapat diteruskan dan dapat dipertingkatkan sejajar dengan pendirian kita yang tegas itu. Dengan lebih tepat lagi saya berharap pendirian kita itu bukan sahaja menyuarakan dasar luar negeri kita di forum-forum yang saya sebutkan tadi tetapi Kerajaan kita hendaklah sanggup berkorban di dalam apa bentuk sekalipun untuk mencapai matlamat dasar kita menegakkan keadilan dan hak asasi rakyat negara-negara tersebut. Di Afrika Selatan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, hanya satu minit lagi.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di Afrika Selatan rakyat majoriti kulit hitam terus ditindas dan dikenakan sekatan-sekatan ke atas kebebasan mereka itu oleh rejim apartheid kulit putih. Negara-negara barisan hadapan

dengan Afrika Selatan seperti Mozambique, Zambia, Zimbabwe, Botswana dan Angola yang bergantung rapat kepada Afrika Selatan dari segi ekonomi negara-negara tersebut senantiasa diancam keselamatan mereka itu oleh rejim apartheid Afrika Selatan. Pendirian kita terhadap rejim apartheid Afrika Selatan ialah supaya tindakan-tindakan sekatan ekonomi diambil oleh semua negara khasnya negara-negara yang boleh memberi kesan kepada dasar apartheid itu seperti Amerika Syarikat, Britain dan Jerman Barat tetapi di sebaliknya kita mesti juga membuat pendirian bersama-sama negara-negara yang bersimpati dengan dasar kita ini supaya dapat mematahkan apa-apa tindakan balas oleh rejim Afrika Selatan terhadap rakyat kulit hitam sendiri dan terhadap negara-negara barisan hadapan.

Begitulah juga, Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya terus memainkan peranan demi untuk merapatkan hubungan di kalangan anggota-anggota ASEAN dan menjamin dasar memupukkan rantau Asia Tenggara sebagai rantau yang aman, bebas dan berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jempol.

6.06 ptg.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus (Jempol): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Usul Terima Kasih di atas Titah Di Raja di Dewan yang mulia ini. Titah Di Raja telah

memberikan satu, dengan izin, scenario yang padat merangkumi soal-soal pokok yang ada hubung kaitnya dengan hidup dan kehidupan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Di Raja sewajarnya menjadi wadah untuk sama-sama dihayati bagi dimanfaatkan kepada rakyat dan negara. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang yang sengaja tidak mahu faham, tidak bertanggungjawab dan terus menimbulkan perkara-perkara yang mengelirukan dan merbahaya.

Ucapan Yang Berhormat dari Tanjong dan sebentar tadi dari Seremban merupakan contoh-contoh yang nyata. Ucapan Yang Berhormat dari Tanjong adalah berlawanan dengan semangat yang terkandung di dalam Titah Di Raja. Beliau dengan angkuh menghamburkan hujah-hujah yang provokatif, chauvinist dan extreme. Saya katakan beliau provokatif bila melemparkan sangkaan-sangkaan yang buruk terhadap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, khususnya UMNO, dengan asas-asas yang tidak menentu dan kabur. Beliau lebih provokatif lagi apabila menyinggung kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam memimpin rakyat dan negara. Dunia mengakui keupayaan, keberkesanan dan kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi dalam Dewan yang mulia ini terdapat suara yang tidak menyenangkan. Suara-suara beginilah yang boleh menimbulkan kekeliruan terutama sekali di luar negeri dan memang kerja Yang Berhormat dari Tanjong untuk mengelirukan hakikat sebenar yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan beliau chauvinist dan angkuh apabila mempertikaikan perjalanan perjalan demokrasi di negara ini; kemenangan parti beliau di dalam pilihanraya

kebangsaan yang lalu; dan memomok-momokkan Dasar Ekonomi Baru; semuanya ini boleh menyemarakkan lagi api dan semangat perkauman yang boleh merentap urat nadi kehidupan rakyat dan negara.

Saya suka mengingatkan Yang Berhormat dari Tanjong itu supaya jangan salah faham tentang kesederhanaan yang diamalkan oleh UMNO khususnya. Saya katakan kepada Yang Berhormat dari Tanjong bahawa lagi kuat beliau mencanangkan hujah-hujah perkauman, maka sekuat itu pula kita dari Barisan Nasional khususnya UMNO akan menentanginya habis-habisan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengingatkan Yang Berhormat dari Tanjong supaya jangan terus menerus memomok-momokkan hak Melayu dan bumiputera yang sedikit di dalam Dasar Ekonomi Baru. Apa yang terjadi kepada 70% lagi dari agihan ekonomi itu jarang-jarang benar diperkatakan. Kita tahu dalam melaksanakan agihan untuk Melayu dan bumiputera yang sedikit itu, keuntungan juga diraih oleh orang bukan bumiputera. Kerajaan perlu meneruskan dasar ini selagi ada bulan dan matahari. Penduduk-penduduk luar bandar dan anak-anak desa amat perlukan pembelaan. Biarlah Yang Berhormat dari Tanjong terus menerus bermimpi di siang hari; biarlah si luncai terjun dengan labu-labunya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong patut berterima kasih kerana disebabkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen yang dikatakan tidak demokratik dan tidak adil itu, beliau dapat bersuara dengan bebas, lantang dan duduk di dalam Dewan yang mulia ini. Beliau patut berterima kasih kerana mendapat seribu nikmat di bidang perekonomian dan sosial. Saya

suka bertanya kepada Yang Berhormat dari Tanjong, berapa banyakkah negara lain yang memberikan kebebasan yang begini rupa kepada orang yang mendatang? Berapa banyakkah negara di dunia ini yang memberikan taraf warganegara atas nama persefahaman dan perpaduan? Berapa banyakkah negara di dunia ini yang memberikan pelajaran percuma kepada orang mendatang? Berapa banyakkah negara di dunia ini

(Beberapa Ahli Pembangkang bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, masa tidak cukup, yang saya sebut ini Yang Berhormat dari Tanjong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah beri sebab. Kalau tidak beri, tidak payah.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dia tiada standard hendak bercakap dengan saya.

Tuan R. Karpal Singh: On a point of order, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan gunakan perkataan begitu.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau tidak berani, jangan cakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Saya beri amaran kepada awak

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jelutong

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Who are you?

Tuan R. Karpal Singh: Saya beri amaran kepada awak!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: There is the Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kedua-dua, duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Saya boleh duduk tetapi apa yang dicakapkan tadi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila hormati

Tuan R. Karpal Singh: Ini semua sensitif isu, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan.

Tuan R. Karpal Singh: You cannot sit there and hear all these, dengan izin, and just because they want to say what they want

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan, Tuan Speaker, saya mahu

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Speaker!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh Yang Berhormat duduk?

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Speaker, boleh saya sambung?

Seorang Ahli: Duduk!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya bertanya berapa banyakkah negara di dunia ini yang dapat, dengan izin

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk! Sambung Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah seseorang duduk dalam Dewan ini membangkitkan perkara sensitif dan Tuan Speaker tidak mengambil apa-apa tindakan? Bolehkah begitu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat tidak dengar. Saya telah membuat keputusan bahawa dia tidak boleh menggunakan perkataan itu dan dia sudah tarik balik itu. Lagi apa? (*Tepuk*).

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini membangkitkan perkara-perkara sensitif, Tuan Speaker

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya tidak boleh terima ini lagi. Sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau Yang Berhormat itu tidak memberi jalan

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak duduk, saya akan ambil tindakan.

Tuan R. Karpal Singh: Ambil tindakan kepada mereka, bukan kami.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Saya boleh duduk, tetapi Tuan Speaker pun ada satu tugas

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat kata boleh duduk tetapi tidak duduk. (*Ketawa*) Bolehkah tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker ada satu tugas, you have a duty, Mr Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tahu tugas saya. Jangan

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tidak

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): On a point of order.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 42. Pada hari itu saya minta penjelasan daripada Ketua dia, tidak berani beri tempat. Hari ini dia pula hendak kebenaran. (*Tepuk*) Peraturan Mesyuarat 42, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hu Sepang: Point of order, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia pun bangun atas point of order.

Tuan Hu Sepang: Ini pun atas point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti dulu!

Tuan Hu Sepang: Saya bangun dulu. Kita bangun sudah lima minit, Tuan Speaker tidak nampak. Point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah beri dia peluang, Yang Berhormat duduk!

Dr Eng Seng Chai: Kita berdiri dulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila sambung.

Tuan Hu Sepang: Order dulu, sekarang booking dulu (*Ketawa*).

Dato' K. Pathmanaban: Peraturan 42, Tuan Yang di-Pertua, bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua harus didengar dengan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bising.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sambung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih.

Tuan Hu Sepang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap. Point of order.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya tidak pernah ganggu siapa-siapa bila mereka bercakap.

Tuan Hu Sepang: Point of order. Saudara saya daripada kawasan Jempol salah faham peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, pandang ke sini.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya faham peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Hu Sepang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ini point of order. Sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Tuan Speaker, menurut Peraturan 36 (10 (c)) bahawa seseorang Ahli Parlimen dalam ucapannya tidak boleh menggunakan perkataan-perkataan yang akan menyakitkan perasaan lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia telah tarik balik perkataan itu.

Tuan Hu Sepang: Apa perkataan itu? Saya mahu dia sebut perkataan yang dia tarik balik. Dia telah menyebut "pendatang". Siapakah pendatang dalam negara kita ini? Sebutkan perkataan yang dia akan tarik balik. Buat satu ruling, Tuan Speaker. Ini point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia telah tarik balik perkataan itu.

Tuan Hu Sepang: Mana perkataan itu? Sebutkan perkataan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya baru sebut perkataan itu.

Tuan Hu Sepang: Bukan, dari mulut Yang Berhormat dari kawasan Jempol itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah, tidak payah. Sila duduk! Sambung, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, untuk rekod, bolehkah kami tahu apakah perkataan yang ditarik balik oleh Yang Berhormat tadi? Ini untuk rekod kami.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perkataan "pendatang".

Tuan R. Karpal Singh: Itu sahaja, bukan lain-lain perkataan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa lain-lain perkataan Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Beberapa perkataan yang ada dibangkitkan tadi, Tuan Speaker, yang sensitif.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sebutkan perkataan-perkataan itu.

Tuan R. Karpal Singh: Hak-hak orang Melayu, hak-hak orang lain. Apa ini semua? Ini semua suara sensitif.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak buat keputusan ke atas itu. Sila duduk! Sila sambung.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu fasalnya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan sentuh perkara itu lagi. Sambung.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Titah Di Raja sudah mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bila hendak bercakap hati-hati, jaga tindak tanduk, jangan menyinggung orang lain. Itu ceritanya. Sekarang kita cakap, dia marah pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan saya dengan terus menerus bertanya lagi, berapa banyakkah negara di dunia ini yang dapat, dengan izin, accommodate dan tolerate sikap dan tutur kata yang kurang sopan dan menyinggung perasaan seperti yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu; dan tidak banyak kedapatan orang lain lebih kaya daripada anak watan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong juga menyentuh supaya taat setia beliau

dan lain-lain tidak dipertikaikan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat dari Tanjong, apakah taat setia itu hanya sekadar di bibir sahaja? Apakah ertinya taat setia sekiranya beliau terus menerus memainkan sentimen perkauman yang tebal dan bercanggah dengan Titah Di Raja? Apakah sumbangan beliau

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, nanti sebentar. Dia minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak payahlah, sudah suntuk masa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila sambung. Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ada masa cakap itu, cakaplah. Apakah sumbangan beliau untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan lain-lain dasar. Apa ertinya taat setia apabila Yang Berhormat dari Tanjong melenting apabila

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan lagi.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa lagi? Saya tertanggung-ganggu ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Kami pun boleh kacau, saya ganggu-ganggu.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa bikin ganggu-ganggu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Duduklah, menyemak sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Point of order, Tuan Speaker. Point of order 36 (4). Tarik balik perkataan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa perkataannya, saya tidak dengar.

Tuan Hu Sepang: Perkataan yang dianggap biadap.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa?

Tuan Hu Sepang: Apa yang dia kata tadi, Tuan Speaker, point of order 36 (4).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak dengar apa dia?

Tuan Hu Sepang: Tuan Speaker memang sudah dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap. Apa perkataan itu?

Tuan Hu Sepang: Saya tidak boleh sebut! (*Ketawa*). Kotor punya perkataan. Perkataan yang kotor.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa perkataan itu?

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, mana boleh sebut.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan perkataan "menyemak", fahamkah Yang Berhormat dari Rasah?

Tuan Hu Sepang: Itu ada berkaitan dengan "ibu".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan ganggu Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit lagi tidak banyak. Duduk diam-diam sikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat hanya tinggal satu minit lagi.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Itulah, ini pun sudah buang dua minit, Tuan Yang di-Pertua. Kacau betul!

Seorang Ahli: "Injury time!"

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya, injury time. Apa ertinya taat setia apabila Yang Berhormat dari Tanjong melenting apabila Kerajaan mengusir dua orang wartawan luar baru-baru ini? Dan apa ertinya taat setia apabila menghujah Kerajaan kerana menggantung dua orang asing baru-baru ini kerana dadah? Dan kita tahu dalam parti Yang Berhormat dari Tanjong ada peguam yang sentiasa menganga lapar hendak mempertahankan orang yang sudah didapati bersalah (*Tepuk*) supaya menjadi tidak bersalah kerana hendak menjadi hero orang-orang bersalah. Apa hubung kaitnya sehingga DAP mempertahankan orang-orang luar ini?

Tuan R. Karpal Singh: Untuk penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak payahlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Mereka mempertahankan

orang-orang luar ini kerana seronok membaca tulisan-tulisan yang boleh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Point of order 36 (6), Tuan Speaker (*Ketawa*) "improper motive", dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apakah sangkaan jahat itu?

Tuan R. Karpal Singh: Ah! (*Ketawa*) "loyar-loyar DAP apabila orang salah pun tidak ada salah oleh kerana dipertahankan oleh loyar-loyar DAP.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat dari Jelutong ini yang dia terasa ini fasal apa? Saya tidak ada sebut apa-apa nama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sambung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nak sambung ini. Yang kita tahu dalam parti Yang Berhormat dari Tanjong ada peguam yang sentiasa menganga lapar hendak mempertahankan orang yang sudah didapati bersalah supaya tidak bersalah, kerana hendak menjadi hero orang-orang yang bersalah.

Tuan R. Karpal Singh: Untuk penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Please.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak ada masa Yang Berhormat. Sila.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak berani, bukan tidak ada masa, jikalau berani, tidak kira masa. (*Ketawa*)

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Bukan tidak berani. Mana-mana pun boleh jumpa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan. Sila sambungkan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Anytime, anywhere, any place, dengan izin. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Sekarang?

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sekarang tidak cukup masa. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Tadi dia kata anytime, anyplace, anywhere, sekarang saya cakap, tidak mahu beri (*Ketawa*) apa ini?

Tuan Hu Sepang: Penjelasan, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan keluar perkataan begitu!

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya minta penjelasan apa maksud Yang Berhormat dari kawasan Jempol

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat!

Tuan Hu Sepang: Dia sudah beri izin kepada saya.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Angkat tangan*). Saya tidak! Tidak! (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Hu Sepang: Tadi dia sudah beri lampu hijau kepada saya.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: I ask you to sit down!

Tuan Hu Sepang: Tuan Speaker, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri Yang Berhormat. Sila duduk!

Tuan Hu Sepang: Itu lampu isyarat ada salahlah, saya tengok. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sambung dan tamatkan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Injury time dua minit. Apa hubung kaitnya sehingga DAP mempertahankan orang-orang luar ini. Mereka mempertahankan orang-orang luar ini kerana seronok membaca tulisan-tulisan yang kononnya boleh mencetuskan krisis keyakinan di negara ini dan mendapat sedikit keuntungan politik.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker belum tanya lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak hendak beri.

Tuan R. Karpal Singh: Mana boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia langsung tidak boleh beri, sebab masa.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya baca sepatah—penjelasan; dua patah—penjelasan. Apa cerita ini. Please!

Tuan Hu Sepang: Penjelasan, Tuan Speaker. Saya boleh dermakan 15 minit masa saya kepada dia. Kalau saya dapat peluang berucap, saya akan dermakan 15 minit kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Jempol itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, mereka mempertahankan orang-orang luar ini kerana seronok membaca tulisan-tulisan yang boleh kononnya mencetuskan krisis keyakinan di negara ini dan mendapat sedikit keuntungan politik. Mereka itu juga tahu bahawa dadah itu merbahaya. Tetapi di atas slogan keadilan orang-orang yang hendak menjahanamkan negara ini dipertahankan. Mereka hendak menunjukkan kepada dunia kononnya tidak ada keadilan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soal perkauman ini dijadikan modal politik oleh DAP dan amat merbahaya dan negara kita diancam oleh berbagai musuh di dalam dan di luar negeri, saya mencadangkan dan menyeru kepada Kerajaan supaya terus menerus mengambil tindakan-tindakan yang tegas terhadap anasir-anasir perkauman yang boleh meruntuhkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila tamatkan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sedikit sahaja, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Hendak tamatlah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Setengah minit.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Satu minitlah. (Ketawa)
Gangguan itu tadi pun dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya yakin rakyat adalah memberikan sokongan yang penuh dan kuat terhadap sebarang tindakan yang bertujuan untuk memelihara kestabilan yang amat besar ertinya kepada usaha-usaha memajukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, harapan rakyat kepada Kerajaan begitu membumbung tinggi. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan agar terus menerus meningkatkan pembangunan, terutama sekali di luar bandar. Semua pihak yang terlibat dalam pembangunan hendaklah betul-betul committed dan bertanggungjawab. Jentera pentadbiran Kerajaan di semua peringkat perlu diperkemaskan. Penyelarasan kerja-kerja di antara agensi-agensi Kerajaan juga mesti dipertingkatkan. Pertelagahan kepentingan di antara satu Jabatan dengan yang lain perlu dihapuskan dalam melaksanakan program pembangunan di semua peringkat. Program-program membanteras kemiskinan yang merangkumi keperluan kemudahan-kemudahan asas, persekolahan, kesihatan dan lain-lain semuanya memerlukan semangat, commitment, dengan izin, yang lebih bersungguh-sungguh dan berkesan dari semua peringkat.

Semoga Allah memberkati usaha-usaha murni Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bahagia untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Puchong. Masa hanya tiga minit lagi.

6.27 ptg.

Dr V. David (Puchong): Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong telah merasmikan sesi Ketujuh Parlimen baru-baru ini dengan penuh tradisi dan kemuliaan bermutu tinggi. Sesi Ketujuh Parlimen ini diadakan pada masa negara kita menghadapi masalah kemerosotan ekonomi—beberapa faktor telah menyebabkan pengangguran setengah-setengah pekerja. Syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan perindustrian sedang menutup atau menamatkan perniagaan mereka untuk mengatasi masalah ini.

Negara kita telah juga menghadapi kekurangan jualan pengeluarannya di pasaran antarabangsa. Negara kita telah memasuki tahun ketiga puluhan sebagai sebuah negara yang merdeka, tetapi tiga puluh tahun kemerdekaan telah menambah penyakit asas dalam sistem birokrasi Kerajaan, perasaan sombong, rasuah dan penipuan di hal-hal awam. Masanya telah datang untuk menaikkan suara hati negara supaya rakyat tidak membiarkan penipuan dalam perjalanan pentadbiran awam. Kuasa suara hati rakyat lebih kuat daripada kuasa undang-undang untuk mencapai etik dan kesopanan dalam bidang pentadbiran awam. Kehormatan bagi nilai-nilai sosial dan moral tidak boleh dikuatkuasakan oleh bidang undang-undang atau kehakiman tetapi oleh suara hati dan perkara ini sangatlah mustahak untuk mencapai pentadbiran yang bersih.

Pada masa ini negara kita yang

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok selama 12 minit.

Dr V. David: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 14hb Oktober 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.